MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

Click or Drag to Zoom

# SEJARAH

## TAHUN 4

Sekolah Kebangsaan



KSSR

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

PENULIS
Akashah bin Ismail
Jayakumary a/p Marimuthu



# SEJARAH
## TAHUN 4
SEKOLAH KEBANGSAAN



EDITOR
Siti Masni binti Kospin





PEREKA BENTUK
Norhazlin binti Tahar

ILUSTRATOR
Zulkifli bin Mohd Nor
Mohd. Zainuddin bin Jusoh
Ali Seteria bin Has

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KUALA LUMPUR
2013

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku : 0072

KK 900-1201-01296-2013
ISBN 978-983-46-1246-2

Cetakan Pertama 2013
© Dewan Bahasa dan Pustaka 2013

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Penerbit:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur
Tel.: 03-21481011 Faks: 03-21481960
Laman Web: http://www.dbp.gov.my

Reka Letak dan Atur Huruf:
Dawama Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 12/14 poin

Dicetak oleh:
Azilla Sdn. Bhd.
No. 46, Jalan 2/108,
Springcrest Industrial Park,
Batu Caves,
68100 Kuala Lumpur.

## PENGHARGAAN

Kami merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan tenaga dan buah fikiran dalam usaha menerbitkan buku ini. Penghargaan yang khusus kami berikan kepada:

- Jawatankuasa Kawalan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
  - Dr. Mohd. bin Samsudin
  - Encik Wan Nik bin Muda
  - Encik Ahmad Mahamuddin bin Romli
  - Puan Sharifah Afidah binti Syed Hamid
  - Puan Noormadzurah binti Omar
- Jawatankuasa Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Pakar rujuk mata pelajaran
  - Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Hajah Ramlah binti Haji Adam
  - Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman
  - Prof. Dr. Ooi Keat Gin
  - Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja
  - Prof. Madya Dr. Ismail bin Ali
  - Prof. Madya Dato' Haji Sarib bin Haji Said
- Jawatankuasa Penilaian Teknikal 4, Bahagian Buku Teks, KPM
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM
- Penyelaras Projek Bahagian Buku Teks, KPM
- Organisasi/Institusi yang telah memberikan kerjasama dan membenarkan karya atau bahan terbitannya digunakan sebagai bahan pembelajaran
  - Muzium Negara, Malaysia
  - Arkib Negara Malaysia
  - Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
  - Kompleks Pasir Salak, Perak
  - Sekolah Kebangsaan Tambun Hitam Tanah, Negeri Sembilan
  - Litar Antarabangsa Sepang, Selangor
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

# KANDUNGAN




| | | | |
|---|---|---|---|
| PENDAHULUAN | | | iv |
| TAJUK 1 | MARI BELAJAR SEJARAH | | |
| | Unit 1 | SEJARAH DAN KITA | 1 |
| | Unit 2 | KELUARGA HARMONI | 17 |
| | Unit 3 | SEKOLAH KEBANGGAAN SAYA | 31 |
| | Unit 4 | TEMPAT TINGGAL SAYA | 45 |
| TAJUK 2 | ZAMAN AIR BATU | | |
| | Unit 5 | ZAMAN AIR BATU | 59 |
| TAJUK 3 | ZAMAN PRASEJARAH | | |
| | Unit 6 | ZAMAN PRASEJARAH | 69 |
| TAJUK 4 | KERAJAAN MELAYU AWAL | | |
| | Unit 7 | KERAJAAN MELAYU AWAL | 83 |
| TAJUK 5 | TOKOH-TOKOH TERBILANG KESULTANAN MELAYU MELAKA | | |
| | Unit 8 | TOKOH TERBILANG | 97 |
| | Unit 9 | PARAMESWARA PENGASAS MELAKA | 111 |
| | Unit 10 | TUN PERAK BENDAHARA TERBILANG | 125 |
| | Unit 11 | HANG TUAH LAKSAMANA MELAKA | 139 |
| SENARAI RUJUKAN | | | 153 |




# PENDAHULUAN

Buku Teks Sejarah Tahun 4 SK ditulis berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sejarah merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid tahun 4 mulai tahun 2014. Mata pelajaran Sejarah ini memberi penekanan kepada penerapan nilai murni, semangat patriotik, elemen kewarganegaraan dan nilai sivik.



Kandungan dalam buku teks ini bertujuan untuk mendidik murid memahami latar belakang negara dan sejarahnya. Penulisan dalam buku teks ini disusun secara kronologi yang membincangkan pengenalan ilmu sejarah dan identitinya, sejarah awal negara dan warisannya serta kedaulatan dan kejayaan negara.

Bagi menimbulkan minat murid dalam mata pelajaran Sejarah, penulisan dalam buku teks ini menggunakan pelbagai kaedah seperti didik hibur supaya murid mudah memahami dan menghargai sejarah tanah air dan kegemilangannya. Selain itu, kaedah KBAT (Kemahiran Berfikir Aras Tinggi) turut digunakan bagi membolehkan murid melahirkan pemikiran sejarah yang lebih kritis, kreatif dan inovatif.



Terdapat juga aktiviti dalam buku teks ini yang meminta murid untuk mendapatkan maklumat melalui aktiviti kajian kes. Aktiviti ini bertujuan untuk memberikan pengalaman dan kemahiran kepada murid membuat kajian bagi mendapatkan maklumat.

Buku Teks Sejarah Tahun 4 SK ini dipersembahkan dalam pelbagai gaya penulisan yang menarik seperti puisi, lakonan, nyanyian dan simulasi berdasarkan tema "Sejarah Awal Negara" yang dibahagikan kepada lima tajuk utama iaitu:

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

**Tajuk 1: Mari Belajar Sejarah**
Tajuk ini memberikan penekanan kepada kajian kemanusiaan yang mencakupi konsep, istilah dan kepentingan ilmu sejarah. Murid juga didedahkan tentang sejarah diri dan keluarga, sejarah sekolah dan sejarah setempat.

**Tajuk 2: Zaman Air Batu**
Tajuk ini menerangkan Zaman Air Batu Akhir iaitu, Zaman Pleistosen dan Zaman Holosen. Menggunakan bidang Geografi dan Sejarah, murid dapat mengetahui kebaikan menghargai alam sekitar. Tajuk ini juga dapat memupuk semangat jati diri dan sayang akan negara dalam diri murid.

**Tajuk 3: Zaman Prasejarah**
Tajuk ini menjelaskan kehidupan manusia prasejarah. Melalui tajuk ini, murid didedahkan dengan cara manusia prasejarah menjalani kehidupan harian mereka. Murid juga didedahkan dengan sikap berani, tabah, kreatif dan inovatif manusia prasejarah yang boleh mereka contohi.

**Tajuk 4: Kerajaan Melayu Awal**
Tajuk ini memberikan pendedahan kepada murid keistimewaan dan keunikan Kerajaan-kerajaan Melayu Awal yang masyhur sebagai jalan laut dan perdagangan.

**Tajuk 5: Tokoh-tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka**
Tajuk ini memperkenalkan tokoh terbilang yang terdiri daripada Sultan, Bendahara dan Laksamana yang memainkan peranan penting dalam membina keagungan Kesultanan Melayu Melaka.

Lima tajuk dalam Buku Teks Sejarah Tahun 4 SK ini dibahagikan kepada 11 unit yang boleh berdiri sendiri sebagai satu modul. Setiap unit dalam buku teks ini dimulai dengan bahagian rangsangan, diikuti oleh bahagian konsep, pengukuhan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Pada akhir buku teks pula, terdapat senarai rujukan. Semua pembahagian ini mesra pembaca dan memudahkan guru untuk membuat persediaan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Yang berikut merupakan tujuan penyusunan tersebut.

**Rangsangan**
Set induksi untuk memulakan sesuatu unit.

**Konsep**
Memberikan pengetahuan awal kepada murid tentang topik yang dipelajari dalam unit tersebut.

**Pengukuhan**
Berfungsi bagi mengukuhkan pemahaman murid tentang topik yang dipelajari dalam unit tersebut.

**Pengayaan**
Memberikan input yang dapat menambahkan lagi pemahaman dan penguasaan sesuatu tajuk.



**Pemulihan**
Membantu murid yang lemah supaya dapat memahami sesuatu tajuk yang dipelajari.

**Penilaian**
Menyediakan pelbagai bentuk latihan bagi mengukur kefahaman murid tentang apa yang dipelajari dalam unit tersebut.

***Hands on***
Memberikan cadangan aktiviti yang boleh dilakukan oleh murid selepas mempelajari sesuatu unit bertujuan untuk mengukuhkan konsep, pengukuhan, pengayaan dan pemulihan. Aktiviti dalam bahagian ini boleh dilakukan secara berkumpulan atau individu.

**Tahukah Anda?**
Memberikan maklumat tambahan berkaitan dengan perkara yang dipelajari.

**Soalan Rangsangan**
Menguji pemahaman murid bagi memahami sesuatu tajuk.

**Nota guru**
Membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi setiap unit di samping penegasan untuk mencapai standard pembelajaran.

**Standard Pembelajaran**
Kriteria atau petunjuk kualiti pembelajaran dan pencapaian yang murid peroleh dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu tajuk.

**Senarai Rujukan**
Menyenaraikan rujukan yang digunakan dalam penulisan.

Buku teks Sejarah Tahun 4 SK ini diharapkan dapat membantu meningkatkan pengetahuan murid terhadap ilmu sejarah melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Hal ini secara tidak langsung dapat melengkapkan pengetahuan, kemahiran dan pengamalan nilai murni serta penerapan semangat jati diri sebagai warganegara Malaysia.

Akashah bin Ismail
Jayakumary a/p Marimuthu

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY


# Unit 1 SEJARAH DAN KITA



NOTA GURU
• Bimbing murid mengenal gambar di atas



## Kenali Sejarah

Apakah sejarah? Menurut *Kamus Dewan*, sejarah ialah peristiwa yang benar-benar berlaku pada waktu yang lampau. Beberapa orang sejarawan memberikan makna sejarah seperti yang berikut.



Herodotus, Sejarawan Yunani

Sejarah ialah tindakan manusia dan sebab-sebab yang dilakukan oleh mereka.



Ibn Khaldun, Sejarawan Islam

Sejarah menceritakan hal tentang manusia dan perbuatan-perbuatan yang berlaku dalam masyarakat tersebut.

Bagi mengkaji sejarah, terdapat dua sumber, iaitu sumber pertama dan sumber kedua. Sumber pertama ialah sumber asli, manakala sumber kedua pula merujuk kepada hasil-hasil penulisan. Sumber-sumber ini penting untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan benar.

**Sumber Pertama**



**Fosil**: Fosil ialah tinggalan haiwan atau tumbuhan dari zaman lampau.



**Manuskrip**: Manuskrip ialah naskhah tulisan tangan.



**Artifak**: Artifak ialah barang tinggalan yang dicipta oleh manusia.

**Tahukah Anda?**
- Arkib merupakan tempat menyimpan naskhah-naskhah, rekod umum dan dokumen-dokumen sejarah sesebuah negara.
- Sumber lisan seperti rakaman boleh dijadikan sebagai sumber sejarah.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

Sumber Kedua




Reka cipta satu model artifak.

**Alatan**




**Cara Membuat**

1. Bentukkan plastisin mengikut kreativiti.




2. Contoh model artifak yang telah siap.

- Nyatakan perbezaan antara sumber pertama dan sumber kedua.
- Nyatakan bagaimana rakaman boleh menjadi sumber pertama dan kedua.
- Mengapakah sumber sejarah penting untuk kita?

**NOTA GURU**

- Bimbing murid memahami pengertian sejarah dan sumber sejarah.
- Jelaskan kepada murid bahawa rakaman boleh dijadikan sebagai sumber pertama jika tidak disunting.
- Bantu murid membuat artifak. Pamerkan artifak tersebut di Sudut Sejarah.



## Kaedah Pencarian Maklumat Sejarah

Sejarawan menggunakan tiga kaedah utama untuk mendapatkan maklumat sejarah, iaitu kaedah lisan, kaedah bertulis dan kaedah arkeologi.



**Kaedah Lisan**
Temu bual.



**Kaedah Bertulis**
Kajian sumber daripada bahan bertulis atau bercetak.



**Kaedah Arkeologi**
Kajian terhadap tinggalan purba.



Sejarah banyak memberikan pengajaran kepada kita. Kita perlu menghargai warisan negara dan menjadi warganegara Malaysia yang cinta akan negara.

- Ceritakan cara anda mendapatkan maklumat sejarah menggunakan kaedah lisan.
- Mengapakah sejarah penting untuk kita?

**Tahukah Anda**
Arkeologi bermaksud kajian menggunakan kaedah gali cari artifak dan fosil.

**NOTA GURU**

- Jelaskan kepada murid kaedah mendapatkan maklumat dalam sejarah.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

## Konsep Masa dalam Sejarah

Bagi membantu kita memahami sejarah, setiap peristiwa yang berlaku dikaji mengikut urutan masa. Urutan ini dinamakan kronologi. Kronologi masa dapat dibahagikan kepada dekad, abad dan alaf.

Konsep masa dalam sejarah juga boleh dilihat mengikut zaman seperti zaman Sebelum Masihi (SM) dan Masihi (M).

**Tahukah Anda ?**

- Sebelum Masihi (SM) bermaksud zaman sebelum kelahiran Nabi Isa.
- Masihi (M) bermaksud zaman selepas kelahiran Nabi Isa.




Rajah garis masa

Perhatikan urutan peristiwa penting ke arah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.



| 18 Januari 1956<br>Rombongan Kemerdekaan | 8 Februari 1957<br>Persetujuan Kemerdekaan | 31 Ogos 1957<br>Pengisytiharan Kemerdekaan |
|---|---|---|

- Apakah yang dimaksudkan dengan kronologi?
- Nyatakan perbezaan antara abad dengan alaf.

Hasilkan garis masa peristiwa penting dalam hidup anda. Bentangkan garis masa tersebut di dalam kelas.

1.1.2, 1.1.3

**NOTA GURU**

- Bantu murid memahami kronologi masa.
- Minta murid membuat garis masa peristiwa penting dalam hidup mereka.



## Muzium

Tinggalan sejarah boleh dilihat di muzium. Mari kita lihat contoh-contoh tinggalan sejarah yang terdapat di Muzium Negara.

**Gendang Dongson**
Gendang gangsa ini dijumpai di Terengganu.





**Homo Sapien Sapien**
Rangka homo sapien sapien yang dijumpai di Perak.



**Tahukah Anda ?**

Homo sapien sapien ialah manusia moden.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

**Manuskrip *Sejarah Melayu***
*Sejarah Melayu* disusun dan ditulis oleh Tun Seri Lanang. Manuskrip ini menerangkan keagungan kerajaan Melayu dan Kesultanan Melayu Melaka.





**Lukisan Batu**
Lukisan batu di dinding gua yang terdapat di Gua Niah, Sarawak.



**Pemukul Kulit Kayu**
Alat ini digunakan untuk melembutkan kulit kayu untuk dijadikan pakaian pada zaman purba.



Senaraikan muzium yang anda tahu.

NOTA GURU

1.1.4

- Bimbing murid memahami fungsi dan kepentingan muzium.
- Jelaskan kepada murid tentang jenis tinggalan sejarah yang terdapat di muzium.



## Tinggalan Sejarah

Selain muzium, kita juga dapat melihat tinggalan sejarah di tapak-tapak arkeologi di negara kita.



**Bukit Tengkorak, Sabah** ialah tapak pembuatan tembikar purba di Asia Tenggara.



**Gua Niah, Sarawak** ialah gua tertua di Asia Tenggara.



**Candi Lembah Bujang, Kedah** merupakan tapak arkeologi yang terkenal di Asia.

Melalui tinggalan sejarah, kita dapat memahami sejarah awal negara kita. Kita juga dapat memupuk semangat menghargai warisan negara.

Nyatakan tempat-tempat bersejarah di tempat anda.

Ceritakan tentang tinggalan sejarah yang pernah anda:
a) baca
b) lihat di televisyen atau Internet

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami tinggalan sejarah.
- Adakan lawatan ke muzium atau tempat bersejarah yang berhampiran untuk mengenali lebih lanjut tentang tinggalan sejarah.

1.1.4

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

PENGAYAAN

## Sebab dan Akibat dalam Sejarah

Setiap peristiwa yang berlaku pasti mempunyai sebab dan akibatnya. Kita dapat memahami sesuatu peristiwa sejarah apabila kita mengetahui sebab dan akibat peristiwa itu berlaku. Misalnya, kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Peristiwa penting tersebut berlaku melalui perundingan antara Tunku Abdul Rahman dengan kerajaan British. Akibat perundingan tersebut, kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu diberikan oleh kerajaan British pada 31 Ogos 1957.

Saya berpendapat sudah sampai masanya kita menuntut kemerdekaan. Bagaimanakah pendapat Tan Cheng Lock dan Sambanthan jika kita berunding dengan British?

Saya bersetuju dengan pandangan Tunku. Seluruh penduduk pasti akan gembira.

Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka! Merdeka!

Merdeka!

Saya juga menyokong. Elok jika perundingan itu kita percepatkan.

Lengkapkan jadual di bawah tentang peristiwa yang berlaku di sekitar anda.

| Bil. | Peristiwa | Sebab | Akibat |
|---|---|---|---|
| 1. | Hari Anugerah | Menghargai murid yang cemerlang | Murid lebih bersemangat untuk belajar |
| 2. | | | |
| 3. | | | |

1.1.5

NOTA GURU
- Bimbing murid memahami sebab dan akibat dalam peristiwa sejarah.
- Minta murid melengkapkan jadual peristiwa yang berlaku di sekitar mereka.



PENGAYAAN

## Sejarah dan Kepentingannya

Syafik, Nantha, Edith dan Swee Lan telah mengikut Cikgu Amrin dan Cikgu Aminah menyaksikan perarakan Hari Kemerdekaan di Dataran Merdeka. Mereka berasa bangga kerana dapat menyaksikan perarakan tersebut.




- Apakah kebaikan mempelajari sejarah?
- Jelaskan peristiwa bersejarah dalam hidup anda.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY



Pilih seorang tokoh berikut. Nyatakan sumbangan mereka kepada negara. Hasilkan buku skrap.

a) Tun Abdul Razak
b) Tun Tan Cheng Lock
c) Tun V.T. Sambanthan
d) Tun Temenggong Jugah
e) Tun Datu Mustapha

NOTA GURU
- Bimbing murid memahami kepentingan sejarah dalam kehidupan.

1.1.5, 1.2.6
K1.1.8,
K1.1.9



PEMBIJAK

# Masa Dahulu dan Kini

Melalui sejarah, kita dapat mengetahui kehidupan dan pencapaian masyarakat pada zaman dahulu. Pencapaian tersebut perlu dijadikan panduan dan teladan oleh masyarakat pada masa sekarang. Contohnya, perkembangan dan perubahan dalam bidang pertanian dan komunikasi.

## Pertanian










## Komunikasi










- Bandingkan penggunaan teknologi lama dan moden dalam bidang pertanian.
- Bayangkan sistem komunikasi pada masa hadapan.

**Tahukah Anda?**
Telegraf ialah sejenis alat untuk menghantar berita.

Bayangkan kenderaan yang akan digunakan pada masa hadapan. Lakarkan kenderaan tersebut.

NOTA GURU
- Bimbing murid mengkaji gambar di atas.
- Bantu murid memahami perubahan teknologi tersebut.

1.1.2,1.1.3
K1.1.8

# Menghargai Masa

Nurul Ain dilantik sebagai pengawas sekolah. Dia perlu merancang masa supaya semua aktiviti dapat dilaksanakan dengan sempurna. Ini menunjukkan bahawa Nurul Ain seorang yang pandai menghargai masa. Oleh itu, Nurul Ain dapat mengisi masanya dengan perkara yang lebih berfaedah.

**JADUAL MINGGUAN NURUL AIN**

| Masa / Hari | 6.00 pagi - 7.00 pagi | 7.00 pagi - 2.00 petang | 2.00 petang - 3.00 petang | 5.00 petang - 6.00 petang | 6.00 petang - 8.00 malam | 8.00 malam - 10.00 malam |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Isnin<br>Selasa<br>Rabu<br>Khamis<br>Jumaat | • Bangun pagi<br>• Solat<br>• Bersiap ke sekolah<br>• Sarapan<br>• Pergi ke sekolah | • Menghadiri perhimpunan mingguan sekolah<br>• Menjalankan tugas sebagai Pengawas sekolah<br>- Membersihkan kelas<br>- Membersihkan bilik pengawas<br>• Belajar<br>• Pulang dari sekolah | • Solat<br>• Makan tengah hari<br>• Berehat<br>• Mengulang kaji pelajaran | • Solat/ Beriadah/ Bermain | • Mandi<br>• Solat<br>• Mengaji<br>• Makan malam | • Mengulang kaji pelajaran<br>atau<br>• Pergi ke kelas tuisyen<br>• Menyusun buku mengikut jadual<br>• Solat<br>• Tidur |
| Sabtu | • Bangun pagi<br>• Solat<br>• Sarapan bersama-sama keluarga | • Aktiviti kokurikulum di sekolah<br>atau<br>• Aktiviti bersama-sama keluarga | | | | • Aktiviti bersama-sama keluarga<br>• Solat<br>• Tidur |
| Ahad | | • Aktiviti bersama-sama keluarga<br>atau<br>• Menziarahi saudara | • Solat<br>• Pergi ke kelas taekwondo | | | • Menyusun buku mengikut jadual<br>• Solat<br>• Tidur |

- Apakah kepentingan merancang masa?
- Nyatakan kesan sekiranya anda tidak merancang masa dengan baik.

**Berdasarkan jadual mingguan Nurul Ain, buat jadual mingguan anda sendiri.**

NOTA GURU
- Galakkan murid menyediakan jadual mingguan mereka.



# Warisan Kita

Negara kita terdiri daripada pelbagai kaum dan kaya dengan pelbagai warisan yang unik. Warisan seperti tarian dan alat muzik perlu dikekalkan dan dipelihara agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Warisan ini juga dapat melahirkan generasi yang cinta akan bangsa dan negara.







- Bagaimanakah cara anda mengekalkan warisan bangsa?

**Cari gambar dan maklumat tentang makanan atau pakaian tradisional yang terdapat di tempat anda. Hasilkan sebuah lukisan.**

NOTA GURU
- Jelaskan kepentingan menghargai warisan kepada murid.
- Pamerkan lukisan tersebut di Sudut Sejarah.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

# Fikir dan Jawab

A. Padankan penyataan berikut dengan jawapan yang betul.

| | |
|---|---|
| 1. Fosil | Senduk untuk memasak. |
| 2. Masa | Tinggalan tumbuhan dan haiwan. |
| 3. Artifak | Kajian terhadap tinggalan zaman lepas melalui gali cari. |
| 4. Muzium | Memupuk semangat patriotisme. |
| 5. 100 tahun | Warisan alat muzik. |
| 6. Ngajat | Petempatan untuk memahami sejarah awal negara. |
| 7. Herodotus | Warisan tarian. |
| 8. Sampalan | Sejarah menceritakan hal tentang manusia dan perbuatan-perbuatan yang berlaku dalam masyarakat tersebut. |
| 9. Ibn Khaldun | Memberi manfaat kepada kehidupan manusia sekiranya diuruskan dengan baik. |
| 10. Lembah Bujang | Satu abad. |
| 11. Kaedah arkeologi | Sejarawan Yunani. |
| 12. Kepentingan sejarah | Tempat menyimpan dan mempamerkan tinggalan sejarah yang berharga. |



NOTA GURU

- Bantu murid mengenal sumber.
- Aktiviti ini boleh dijalankan secara individu, berkumpulan atau berbentuk kuiz.



# Fikir dan Jawab

B. Namakan gambar yang diberikan dengan menyusun semula huruf dalam petak yang disediakan. Salin semula huruf yang bernombor dalam petak di bawah mengikut nombor yang sama.





| Huruf | Nombor petak |
|---|---|
| KBUU | 12 |
| PEAS | 8 |
| SOLFI | 16 |
| NIGNA | 9 |
| HAKARB | 7 |
| DULJAA | 3, 11, 17 |
| TARAKFI | 20, 13, 19 |
| GALI HIAN | 10, 15 |
| POSMOTON | 1, 21 |
| LEGRETIA | 2 |
| REILOKGOA | 4 |
| PAURMNIKS | 14, 5, 18 |
| TAIRAN ASGDN | 6, 22 |

1 2 3 4 5 6 7   8 9 10 11 12 13 14   15 16 17 18   19 20 21 22



NOTA GURU

- Bantu murid membuat kesimpulan tentang kepentingan mengetahui dan menyelidiki sejarah.
- [illegible] pada hari ini.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY



# Unit 2 KELUARGA HARMONI

RANGSANGAN






Menganyam ketupat bersama-sama dengan keluarga.



Makan bersama-sama dengan keluarga.



Bersiar-siar bersama-sama dengan keluarga.

NOTA GURU
- Minta murid meneliti gambar di atas.
- Bimbing murid menceritakan keluarga mereka sendiri.



KONSEP

## Kenali Diri Saya







Sijil kelahiran Hisham



**Tahukah Anda?**
- Sijil kelahiran ialah sijil rasmi yang mengandungi keterangan mengenai butir-butir kelahiran.
- Biodata bermaksud maklumat ringkas diri seseorang seperti nama, jantina, nama ibu bapa, tarikh lahir dan tempat dilahirkan.

- Berikan maklumat yang terdapat dalam sijil kelahiran Hisham.
- Nyatakan kepentingan memiliki sijil kelahiran.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

Berdasarkan sijil kelahiran anda, lengkapkan borang di bawah.

**Maklumat Murid**

Nama Penuh :

Tarikh Lahir : Jantina : Lelaki/Perempuan

No. MyKid :

No. Sijil Daftar Kelahiran :

Warganegara :

Kaum : Agama :

Tempat Tinggal :

Poskod : Negeri :

| Maklumat | Bapa | Ibu |
|---|---|---|
| 1. Nama | | |
| 2. No. Kad Pengenalan | | |
| 3. Kaum | | |
| 4. Agama | | |
| 5. Pekerjaan | | |

NOTA GURU

1.2.1



# Salasilah Keluarga Saya






Rajah salasilah keluarga Hisham

**Tahukah Anda**
Salasilah bermaksud asal usul seseorang.

Nyatakan kepentingan mengetahui salasilah keluarga.

Berdasarkan contoh di atas, bina salasilah keluarga anda sendiri. Secara ringkas, ceritakan salasilah keluarga anda di hadapan kelas.

NOTA GURU

1.2.2

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

## Keluarga Asas Saya

Ini keluarga asas saya. Keluarga asas saya terdiri daripada bapa, ibu, dua orang kakak, seorang abang, seorang adik perempuan serta saya sendiri. Kami sekeluarga amat menyayangi antara satu sama lain.



**Tahukah Anda?**

Keluarga asas terdiri daripada bapa, ibu, dan anak-anak.

- Apakah yang dimaksudkan dengan keluarga asas?
- Nyatakan anggota keluarga asas anda.

Secara kreatif, hasilkan bingkai gambar keluarga anda.

**Alatan**




**Cara Membuat**

1. Gunting kertas tebal mengikut saiz yang sama.
2. Tebuk salah satu kertas tebal untuk membentuk bingkai. Hias bingkai tersebut menggunakan ranting kayu.
3. Lekatkan gambar pada kertas tebal yang tidak ditebuk. Lekatkan bingkai gambar di atasnya.
4. Bingkai gambar yang telah siap.



L2.3
K1.2.9

NOTA GURU
- Bimbing murid memahami makna keluarga asas dan kesinambungannya.
- Bantu murid membuat bingkai gambar secara kreatif.



## Panggilan Keluarga di Malaysia

Sikap hormat-menghormati amat penting dalam keluarga. Antara sikap tersebut adalah dengan memanggil anggota keluarga dengan panggilan yang sopan. Amalan ini dapat mewujudkan kemesraan dalam keluarga. Tahukah kawan-kawan panggilan dalam keluarga di Malaysia berbeza-beza mengikut kaum, daerah dan negeri?




- Nyatakan nama panggilan anggota keluarga mengikut kaum.
- Ceritakan nama panggilan dalam keluarga anda.
- Bagaimanakah panggilan kepada anggota keluarga dapat mewujudkan keluarga bahagia?

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY




**Lengkapkan jadual panggilan anggota keluarga di bawah. Laporkan dapatan anda.**

| Nama .................................... | Tahun 4 .................................... |
|---|---|
| **Anggota Keluarga** | **Nama Panggilan** |
| Datuk | |
| Nenek | |
| Bapa saudara | |
| Ibu saudara | |
| | |

1.2.4
KI 2.7
KI 2.8

**NOTA GURU**

- Bimbing murid mengenal panggilan anggota keluarga mereka dan kaum-kaum lain di Malaysia
- Bantu murid melengkapkan jadual panggilan anggota keluarga
- Kaitkan panggilan tersebut dengan adab dalam keluarga bagi mewujudkan keluarga yang bahagia



## Keluarga Saya

Semasa dalam perjalanan ke kampung di Kuala Kangsar, Perak, ibu bercerita tentang peristiwa bersejarah dalam keluarga kami.




- Nyatakan peristiwa bersejarah dalam keluarga Hisham
- Hitung tahun kelahiran ahli keluarga Hisham

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY




Buat catatan ringkas peristiwa bersejarah dalam keluarga anda.

**NOTA GURU**

1.2.4, 1.2.5, 1.2.6, K1.2.7, K1.2.8, K1.2.9

- Bimbing murid mengenal garis masa berdasarkan peristiwa bersejarah dalam keluarga.
- Minta murid membuat catatan peristiwa bersejarah yang berlaku dalam keluarga mereka.



## Keluarga yang Bahagia

Keluarga bahagia penting bagi setiap orang. Keluarga yang bahagia dapat mengukuhkan kasih sayang dan mengeratkan hubungan antara ahli keluarga. Kita juga memerlukan keluarga untuk mendapatkan nasihat dan pertolongan.

Keluarga yang bahagia penting bagi melahirkan generasi yang bersopan dan berbudi bahasa. Inilah keistimewaan mewujudkan keluarga yang bahagia.



MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY




- Apakah kebaikan mempunyai keluarga bahagia?
- Berdasarkan kedua-dua gambar, ceritakan perkara berikut.
  a) sopan santun b) budi bahasa c) bantu-membantu

Dengan menggunakan peta minda, senaraikan cara mewujudkan keluarga yang bahagia.

**NOTA GURU**

1.2.6, K1.2.7, K1.2.8

- Bimbing murid memahami betapa pentingnya mempunyai keluarga yang bahagia.
- Bantu murid menghasilkan peta minda cara mewujudkan keluarga yang bahagia.
- Minta murid menceritakan keluarga bahagia mereka.



# Amalan Beradab Amalan Mulia

Adab yang sopan perlu diamalkan pada setiap masa. Keluarga yang harmoni sentiasa mengamalkan adab yang sopan sesama mereka.

| Adab | Apa yang perlu diamalkan |
| --- | --- |
| Ketika makan | • Berdoa<br>• Tidak gelojoh<br>• Makan dengan sopan |
| Ketika berbual | • Bercakap dengan sopan<br>• Tidak meninggikan suara<br>• Menggunakan nama panggilan yang sopan |
| Ketika ingin keluar dari rumah | • Meminta izin daripada bapa, ibu atau penjaga |
| Ketika bertemu dengan ahli-ahli keluarga | • Bersalam<br>• Bertanya khabar |
| Ketika lalu di hadapan orang yang lebih tua | • Meminta kebenaran untuk lalu<br>• Tunduk<br>• Berjalan dengan hormat |

- Nyatakan amalan beradab dalam keluarga anda.
- Apakah kebaikan mengamalkan amalan beradab dalam keluarga?

Secara berkumpulan, bincangkan kebaikan amalan beradab dalam keluarga. Lengkapkan jadual berikut.

| Adab | Kebaikan |
| --- | --- |
| 1. Ketika makan | Makanan dapat dihadam dengan sempurna |
| 2. | |
| 3. | |
| 4. | |
| 5. | |

**NOTA GURU**

- Bimbing murid menyatakan amalan beradab yang betul.
- Bantu murid membuat simulasi amalan beradab.

K1.2.7, K1.2.9

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

## Fikir dan Jawab

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang disediakan.

kebenaran | Tarikh | gelojoh | Panggilan | kelahiran | biodata | salam | beradab | asas | Salasilah

1. Kita tidak sepatutnya makan secara .......................
2. Maklumat diri seseorang dikenali sebagai ..................
3. .............. merupakan susur galur sesebuah keluarga.
4. Keluarga ............ terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak.
5. ............... lahir adalah antara maklumat dalam biodata.
6. Kita perlu memberikan .................. ketika berjumpa dengan orang lain.
7. Amalan .................. dapat membina sesebuah keluarga yang bahagia.
8. Sijil ..................... ialah dokumen sah yang mengandungi butir-butir kelahiran.
9. ................... dalam anggota keluarga dapat merapatkan hubungan kekeluargaan.
10. Kita perlu meminta .................. daripada bapa, ibu atau penjaga sebelum keluar rumah.



NOTA GURU
- Bimbing murid menjawab soalan.
- Aktiviti ini boleh dijalankan secara individu atau berkumpulan.



## Fikir dan Jawab

B. Cari jawapan dalam petak huruf di bawah.



| | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| W | I | R | A | G | K | I | B | U | H | A |
| D | A | T | U | K | D | C | U | L | A | B |
| S | Y | R | V | X | I | E | L | T | W | A |
| A | A | W | G | U | V | R | E | R | K | N |
| B | M | T | Y | A | A | I | T | A | K | G |
| A | F | R | J | A | N | T | I | N | A | K |
| P | A | R | O | G | C | E | N | M | U | I |
| A | D | I | K | L | R | T | G | A | M | V |
| N | E | N | E | K | K | U | Z | A | U | A |
| C | H | A | N | N | E | L | T | N | R | T |
| D | F | A | L | A | M | A | T | H | O | A |

Keluarga asas
1. ____________
2. ____________
3. ____________
4. ____________

Maklumat diri
1. ____________
2. ____________
3. ____________
4. ____________



NOTA GURU
- Terangkan kepada murid bagaimana menjadikan keluarga ...
- Bantu murid memahami kepentingan mengamalkan adab sopan dalam keluarga bagi mewujudkan keluarga bahagia.
- Bantu murid membuat kesimpulan tentang keluarga bahagia.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY



# Unit 3 SEKOLAH KEBANGGAAN SAYA




**NOTA GURU**

• Kaitkan gambar di atas dengan tajuk sekolah kebanggaan saya.



## Gedung Ilmu

Yuzie a/l Yuri
Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam,
Terachi,
71500 Tanjung Ipoh,
Negeri Sembilan.

Menemui sahabatku, Farhanah semoga sihat sejahtera di samping keluarga tersayang. Saya ingin menceritakan keadaan sekolah baharu saya. Nama sekolah baharu saya ialah Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam iaitu sempena Yamtuan Besar Negeri Sembilan yang kedua.

Sekolah ini terletak di laluan utama di antara Seremban dan Kuala Pilah, iaitu 25 kilometer dari bandar Seremban. Sekolah ini juga tidak jauh dari rumah saya. Oleh itu, saya berbasikal ke sekolah. Sekolah saya terletak di antara tapak megalit dan gerai buah-buahan.

Istimewanya, sekolah ini pernah menjadi Johan Pertandingan Galeri Sejarah peringkat Negeri Sembilan pada tahun 2011. Namun, yang amat membanggakan saya, dalam galeri tersebut terdapat buku catatan sekolah yang dicatat pada tahun 1930. Setelah membaca buku catatan tersebut, baru saya sedar betapa sukarnya murid dahulu bersekolah kerana kemudahan yang terhad. Saya berasa sungguh bangga dengan kejayaan yang telah dicapai oleh sekolah saya. Sebagai murid, saya akan berusaha menjaga nama baik sekolah saya.

Bagi memastikan sekolah dalam keadaan bersih dan ceria, sekolah saya sering mengadakan aktiviti gotong-royong. Pertandingan kebersihan kelas juga diadakan pada setiap minggu. Saya dan kawan-kawan berasa bangga apabila kelas kami sering dianugerahkan kelas terbersih.

Bersama-sama surat ini, saya sertakan beberapa keping gambar untuk tatapan Farhanah. Akhir sekali, sambutlah salam mesra daripada saya untuk Farhanah sekeluarga.

Sahabatmu,
Yuzie



**Tahukah Anda?**

• Megalit ialah batu yang didirikan oleh masyarakat pada zaman dahulu untuk pelbagai tujuan.
• Yamtuan merupakan gelaran untuk Raja Negeri Sembilan.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY



Murid awal di Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam

Buku catatan sekolah pada tahun 1910

Galeri Sejarah




Pelan lokasi sekolah dari rumah Yuzlie.

- Apakah nama sekolah baharu Yuzlie?
- Berdasarkan pelan lokasi di atas, sebutkan dua petunjuk untuk ke Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam dari Kuala Pilah.

1. Tulis e-mel atau surat kepada kawan anda. Maklumat yang perlu ada seperti yang berikut.
   - Sejarah dan keistimewaan sekolah.
   - Petunjuk ke sekolah dari rumah anda.
2. Lukis pelan lokasi sekolah dari rumah anda (labelkan petunjuk).
3. Cetak e-mel atau pos surat tersebut.

1.3.1, 1.3.2 KI 3.7, KI 3.8, KI 3.9

**NOTA GURU**

- Bimbing murid menulis alamat sekolah yang lengkap.
- Bantu murid menulis dan menghantar e-mel menggunakan Internet atau menulis surat kepada kawan mereka.
- Minta murid membuat pelan lokasi sekolah dari rumah mereka.



# Sejarah Sekolah Saya



Nama asal sekolah saya ialah Sekolah Kebangsaan Terachi. Dinding dan lantainya diperbuat daripada papan dan beratapkan rumbia.

**1907**



Gambaran gotong-royong

Penduduk tempatan bergotong-royong membina bangunan tambahan.

**1951**



Pada 2 Jun 1962, bangunan tambahan kedua telah dirasmikan oleh Encik Aminuddin bin Baki.

**1962**

**Tahukah Anda?**

Encik Aminuddin bin Baki merupakan Ketua Penasihat Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu. Beliau memberikan sumbangan yang besar dalam pendidikan negara.

- Siapakah yang merasmikan bangunan tambahan pada tahun 1974?
- Mengapakah anda harus berasa bangga dengan sekolah anda?




Nama Sekolah Kebangsaan Terachi ditukarkan kepada Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam.

**2002**



Menjadi Johan Pertandingan Galeri Sejarah Peringkat Negeri Sembilan.

**2011**

**1974**

Perasmian bangunan tambahan yang mengandungi bilik darjah, bilik guru, pejabat dan kantin.



Temu bual Guru Besar atau guru di sekolah anda untuk mendapatkan maklumat tentang sejarah sekolah. Gunakan borang temu bual yang disediakan sebagai panduan.

| Nama: | Tahun 4: |
|---|---|
| **Soalan** | **Jawapan** |
| 1 Bilakah sekolah ini ditubuhkan? | |
| 2 Berapakah usia sekolah ini? | |
| 3 Siapakah nama Guru Besar yang pertama? | |
| 4 Bagaimanakah sekolah ini mendapat nama? | |
| 5 Apakah keistimewaan sekolah ini? | |
| 6 Apakah kejayaan cemerlang yang pernah dicapai oleh sekolah ini? | |
| 7 Siapakah bekas murid sekolah ini yang telah berjaya dengan cemerlang? | |
| 8 Apakah harapan cikgu terhadap sekolah ini? | |

**NOTA GURU**

1.3.3
KI.3.9

- Jelaskan kepada murid tentang kepentingan mengetahui sejarah sekolah.
- Bimbing murid cara menjalankan temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang sekolah.
- Minta murid menyatakan dapatan mereka dalam kelas.



## Identiti Sekolah




**Tahukah Anda?**

- Identiti bermaksud sifat-sifat atau ciri-ciri yang terdapat pada seseorang atau sesuatu yang berbeza daripada yang lain.
- Cogan kata bermaksud ungkapan ringkas yang menjadi pegangan bersama.
- Visi bermaksud wawasan atau pandangan jauh.
- Misi merupakan langkah untuk mencapai visi.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY




- Apakah maksud identiti sekolah?
- Apakah cogan kata, visi, dan misi sekolah anda?

Nyatakan visi anda untuk menjadi murid yang sayang akan sekolah.

**NOTA GURU**

1.3.4 K2.3.7, K2.3.9

- Terangkan kepada murid tentang kepentingan identiti pada setiap sekolah.
- Bantu murid menyatakan visi mereka untuk menjadi murid yang menyayangi sekolah.



## Simbol Kebanggaan Sekolah

Lencana dan bendera sekolah merupakan identiti sesebuah sekolah. Setiap simbol pada lencana dan bendera mempunyai maksud bagi membentuk sikap murid yang cemerlang. Lihat dan teliti maksud simbol dan warna pada lencana dan bendera Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam.

### Lencana Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam

**PUTIH**
Melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam membuat sesuatu perkara.

**MERAH**
Melambangkan keberanian dan semangat juang dan tidak mudah berputus asa dalam melaksanakan sesuatu perkara.

**KUNING**
Melambangkan kesetiaan dan ketaatan kepada raja dan negara.

**HIJAU**
Melambangkan ketenangan dan kehijauan persekitaran kawasan sekolah.

**BIRU**
Mencerminkan keharmonian dan ketenangan.





**Buku**
Melambangkan ilmu pengetahuan yang menjadi tunjang kepada kemajuan bangsa dan negara.



**Obor**
Melambangkan semangat perjuangan dan berdaya saing mencipta kejayaan dalam semua bidang.



**Bunga Raya**
Melambangkan bunga kebangsaan dan semangat kenegaraan.



**Gelung**
Melambangkan semangat kesukanan.



**Empat jalur warna**
Merupakan warna rumah sukan.




**Bendera Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam**

Warna kuning pada bendera melambangkan kesetiaan dan ketaatan kepada raja dan negara.

**NBA: 1002** merupakan kod Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam.

- Nyatakan kepentingan bendera dan lencana kepada sekolah.
- Nyatakan maksud simbol dan warna pada lencana dan bendera sekolah anda.

Sekolah anda mengadakan pertandingan mencipta lencana atau bendera persatuan. Buat reka cipta lencana atau bendera yang anda inginkan. Berikan makna kepada warna dan simbol yang digunakan.

**NOTA GURU**

1.3.5
KL3.7

- Jelaskan kepada murid tentang maksud simbol dan warna yang terdapat pada lencana dan bendera sekolah mereka.
- Minta murid melukis bendera dan lencana sekolah mereka.
- Pamerkan bendera dan lencana tersebut di Sudut Sejarah.



## Kepimpinan Sekolah

Setiap sekolah mempunyai struktur organisasi pentadbiran. Guru Besar mengetuai pentadbiran dengan dibantu oleh Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan Guru Penolong Kanan Kokurikulum. Mereka bertanggungjawab memastikan sekolah berada dalam keadaan terurus. Sebagai murid, kita perlu menghormati dan mematuhi setiap arahan yang diberikan oleh mereka.

**Struktur Organisasi Pentadbiran Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam**



**Guru Besar**
Menguruskan hal berkaitan pentadbiran dan perkhidmatan di sekolah.








**Guru Penolong Kanan Pentadbiran**
Menyelaraskan semua program akademik sekolah.

**Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid**
Mengendalikan semua perkara berkaitan dengan kebajikan dan keselamatan murid.

**Guru Penolong Kanan Kokurikulum**
Menguruskan aktiviti kokurikulum.

**Tahukah Anda?**
Sekiranya sekolah mempunyai sesi petang, tanggungjawab mentadbir akan dipegang oleh Guru Penolong Kanan Petang atau Guru Penyelia Petang.

- Nyatakan kepentingan struktur organisasi sekolah.
- Siapakah yang membantu Guru Besar mentadbir sekolah?

Bina carta organisasi pentadbiran sekolah anda yang lengkap.

**NOTA GURU**



- Bimbing murid menyatakan struktur organisasi pentadbiran sekolah.
- Bantu murid mendapatkan maklumat tentang struktur organisasi pentadbiran sekolah.

1.3.6
KL3.7

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

# Kuiz Kenali Pentadbir Sekolah

**Cara bermain.**

1. Dimainkan secara berkumpulan.
2. Seorang ahli dalam kumpulan pertama akan memilih soalan dan menjawabnya. Sekiranya tidak dapat menjawab, soalan tersebut akan dibuka kepada ahli lain dalam kumpulan tersebut.
3. Sekiranya ahli kumpulan tersebut tidak dapat menjawab, soalan tersebut akan dibuka kepada kumpulan yang lain.
4. Kuiz diteruskan mengikut langkah seperti di atas.
5. Kumpulan yang mendapat markah paling tinggi dikira sebagai pemenang.

**Situasi 1**
Hafiz layak menerima Rancangan Makanan Tambahan tetapi dia tidak mendapatnya. Siapakah yang sepatutnya dirujuk oleh Hafiz?

**Situasi 2**
Pasukan pengakap akan menjalankan aktiviti perkhemahan tahunan selama tiga hari di padang sekolah. Hani ingin menyertai perkhemahan tersebut. Siapakah yang mesti ditemui oleh Hani?

**Situasi 3**
Anda seorang pengawas. Kawan anda telah melanggar peraturan sekolah. Siapakah yang patut anda rujuk?

**Situasi 4**
Swee Lan digantung sekolah kerana tidak hadir ke sekolah selama 60 hari tanpa sebarang alasan yang munasabah. Dia telah merayu ke Jabatan Pendidikan Negeri untuk bersekolah semula. Rayuan tersebut telah diluluskan. Siapakah yang harus ditemui oleh Swee Lan?

**Situasi 5**
Suseela berpindah ke sekolah baharu. Sekolah baharu Suseela meminta laporan peperiksaan akhir tahunnya. Siapakah yang perlu dirujuk oleh bapa Suseela untuk mendapatkan laporan tersebut?

Apakah kebaikan mengetahui struktur organisasi pentadbiran di sekolah?

1.3.6
KI.3.7

**NOTA GURU**
- Tambah situasi lain yang sesuai.
- Bimbing murid untuk memahami tugas dan peranan pentadbir sekolah.



# Tanggungjawab Saya di Sekolah

Baca dan fahami. Nyatakan kebaikan sikap di bawah bagi mengharumkan nama sekolah.

| Sikap | Kebaikan |
|---|---|
| 1. Anda membuang sampah ke dalam tong sampah. | ____ |
| 2. Anda dan kawan-kawan sentiasa mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. | ____ |
| 3. Guru memuji anda kerana memenangi pertandingan taekwando peringkat negeri. | ____ |
| 4. Anda menyertai gotong-royong mengecat pasu bunga dan menghias pondok bacaan. | ____ |
| 5. Anda dan kawan-kawan sekelas sering mendapat markah yang baik dalam setiap ujian. | ____ |
| 6. Anda gembira dapat menyertai perkhemahan yang diadakan oleh pasukan pengakap di sekolah. | ____ |
| 7. Anda dan kawan-kawan tidak membalas ejekan pasukan lawan semasa pertandingan bola sepak diadakan. | ____ |



Apakah tanggungjawab anda sebagai warga sekolah?

Mengapakah anda perlu mengharumkan nama sekolah?



**NOTA GURU**
- Jelaskan kepada murid tentang tanggungjawab mereka sebagai murid sekolah.
- Bantu murid membuat kesimpulan tentang tanggungjawab mereka di sekolah.

KI.3.7,
KI.3.8,
KI.3.9

# Fikir dan Jawab

A. Pilih jawapan yang betul.

1. ______ bermaksud wawasan atau pandangan jauh.
   a. Visi b. Misi c. Moto
2. Nama Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam adalah sempena nama ______.
   a. Yamtuan Besar b. Yang Dipertua Negeri c. Yang di-Pertuan Agong
3. Sekolah yang ______ akan meningkatkan semangat murid untuk belajar.
   a. besar b. bersih c. warna-warni
4. Bendera dan lencana sekolah merupakan ______ yang menjadi kebanggaan setiap murid sekolah.
   a. logo b. identiti c. cogan kata
5. Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam pernah menjadi Johan Pertandingan Galeri ______ pada tahun 2011.
   a. Geografi b. Sejarah c. Seni
6. Ibu bapa atau penjaga yang ingin menemui murid semasa sesi persekolahan hendaklah meminta kebenaran ______.
   a. Pengawal Keselamatan b. Ketua Kerani c. Guru Besar
7. ______ ialah Ketua Penasihat Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu tahun 1962.
   a. Tuan Haji Muhammad bin Yaakub b. Encik Aminuddin bin Baki c. Encik Yuzie a/l Yuri
8. ______ bertanggungjawab menguruskan hal berkaitan dengan program akademik sekolah.
   a. Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid b. Guru Penolong Kanan Pentadbiran c. Guru Penolong Kanan Kokurikulum
9. Gelung yang terdapat pada lencana Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam bermaksud ______.
   a. semangat kesukanan b. lambang keharmonian c. kesetiaan kepada sekolah
10. ______ berperanan mengendalikan perkara berkaitan dengan kebajikan dan keselamatan murid di sekolah.
    a. Guru Penolong Kanan Akademik b. Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid c. Guru Bimbingan dan Kaunseling

**NOTA GURU**
- Bimbing murid menjawab soalan.
- Tambah soalan lain yang berkaitan.



# Fikir dan Jawab

B. Lengkapkan penyataan dengan jawapan yang betul.

① Bandar diraja bagi Negeri Sembilan ialah ______.

② ______ ialah gelaran untuk raja di Negeri Sembilan.

③ Usaha tangga kejayaan ialah ______ Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam.

④ ______ pada bendera Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam bermaksud keharmonian dan ketenangan.

⑤ ______ bertanggungjawab menguruskan hal berkaitan pentadbiran dan perkhidmatan di sekolah.




**NOTA GURU**

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY


# Unit 4 TEMPAT TINGGAL SAYA

RANGSANGAN




**NOTA GURU**
- Minta murid membantu penghantar surat.
- Kaitkannya dengan alamat tempat tinggal murid.



## KONSEP Alamat Rumah Saya




Alamat yang lengkap biasanya mempunyai nama jalan, tempat, poskod dan nama negeri. Alamat yang lengkap memudahkan kita untuk mengenal pasti lokasi sesebuah rumah atau tempat.

**Dengan menggunakan gambar tempat atau peristiwa bersejarah, hasilkan sekeping poskad. Kirimkan poskad tersebut kepada kawan di sebelah anda menggunakan alamatnya yang lengkap.**

### Alatan



### Cara Membuat

1. Potong kad manila mengikut saiz poskad.
2. Lekatkan gambar pada kad manila.
3. Tulis alamat lengkap kawan anda di bahagian belakang kad manila. Lekatkan setem di bahagian atas penjuru kanan poskad.
4. Kirimkan poskad tersebut.



**NOTA GURU**
- Bimbing murid menyebutkan alamat yang lengkap.
- Bantu murid membuat poskad dan kirimkan poskad tersebut.
- Pamerkan poskad yang telah diterima oleh murid tersebut di sudut sejarah.

# Lokasi Tempat Tinggal Saya

Lokasi rumah Amirah terletak di Kampung Pasir Salak. Pasir Salak mendapat namanya daripada pokok salak yang tumbuh subur di tepi Sungai Perak. Kampung ini terletak di daerah Perak Tengah, Perak. Kampung Pasir Salak terletak kira-kira 76 km dari Ipoh, ibu negeri Perak.




Peta lakar lokasi rumah Amirah

Sekiranya anda ke Pasir Salak, anda akan dapat melihat Rumah Kutai di sepanjang jalan. Rumah Kutai merupakan rumah tradisional orang Melayu di Perak. Sebilangan penduduk di Perak masih tinggal di Rumah Kutai.




- Nyatakan lokasi rumah Amirah.
- Di manakah lokasi rumah anda?

**Hasilkan peta lakar lokasi rumah anda. Namakan jalan dan petunjuk yang penting dalam peta tersebut.**

1.4.2, 1.4.3

NOTA GURU
- Bimbing murid memahami lokasi rumah mereka.
- Minta murid membina peta lakar lokasi rumah mereka.



# Uniknya Tempat Tinggal Saya

Negara kita mempunyai pelbagai bentuk muka bumi seperti tanah pamah, pinggir sungai, pesisir laut dan tanah tinggi.

Tempat tinggal Amirah di Pasir Salak merupakan sebuah petempatan yang terletak di pinggir sungai. Kawan-kawan Amirah pula tinggal di kawasan yang berbeza.

**Pinggir Sungai**
Kawan Amirah, Wong Chee Meng, juga tinggal di pinggir sungai. Dia tinggal di Kota Bharu, Kelantan yang terletak berhampiran pinggir Sungai Kelantan. Pada zaman dahulu, sungai merupakan jalan perhubungan dan pengangkutan. Kemudahan mendapatkan bekalan makanan menyebabkan penduduk membuat petempatan di kawasan pinggir sungai.




**Tanah Pamah**
Umeza tinggal di Tanjong Karang, Selangor. Tanjong Karang merupakan kawasan tanah pamah. Pada zaman dahulu, masyarakat membina petempatan di kawasan tanah pamah kerana kawasannya rata dan rendah. Kawasan ini juga berhampiran dengan sungai atau tasik. Oleh itu, kawasan ini sesuai dijadikan kawasan petempatan atau pertanian.

- Mengapakah tanah pamah sesuai dijadikan kawasan petempatan?
- Apakah bentuk muka bumi di tempat tinggal anda?

**Pulau**
Sejak dahulu lagi, pulau telah dijadikan kawasan petempatan. Masyarakat yang tinggal di pulau menjalankan aktiviti seperti menangkap ikan. Pada masa kini, pulau merupakan salah satu pusat pelancongan. Contohnya, tempat tinggal kawan Amirah, Ramli. Dia tinggal di Pulau Gaya, Sabah. Selain menjadi kawasan petempatan, Pulau Gaya merupakan sebuah tempat pelancongan yang cantik.

**Tanah Tinggi**
Salah seorang kawan Amirah, Kasturi, tinggal di tanah tinggi di Cameron Highlands, Pahang. Sewaktu pemerintahan British, Cameron Highlands dijadikan tempat istirahat. Pada masa kini, tanah tinggi bukan sahaja sesuai sebagai kawasan pelancongan tetapi juga untuk kegiatan pertanian hawa sederhana seperti teh, bunga-bungaan dan sayur-sayuran.




**Pesisir laut**
Miri, Sarawak merupakan kawasan petempatan di pesisir laut. Kawan Amirah, Wan Ulok tinggal di sini. Pada masa dahulu, laut ialah jalan perhubungan dan pengangkutan utama. Oleh itu, kebanyakan penduduknya terlibat dengan aktiviti penangkapan ikan dan perdagangan.

Senaraikan tempat pelancongan yang terletak di kawasan berikut.
a) tanah pamah b) pinggir sungai c) pesisir laut d) tanah tinggi e) pulau

**NOTA GURU**
- Bimbing murid mengenal pasti jenis-jenis bentuk muka bumi di Malaysia.
- Minta murid menyatakan tempat bersejarah di kawasan tempat tinggal mereka.



## Pasir Salak Tanah Bertuah

Pernahkah anda ke Pasir Salak? Pasir Salak merupakan sebuah tempat yang penuh dengan nilai sejarah yang disebut-sebut sehingga ke hari ini.



Dato' Maharaja Lela

Seorang pembesar Perak, Dato' Maharaja Lela tidak bersetuju dengan undang-undang British yang diperkenalkan oleh J.W.W. Birch, Residen British di Perak. Salah seorang pengikut Dato' Maharaja Lela, Seputum telah membunuh J.W.W. Birch semasa mandi di Sungai Perak, di Pasir Salak.

Dato' Maharaja Lela telah ditangkap dan dihukum gantung oleh pihak British pada tahun 1877. Keberanian Dato' Maharaja Lela menjadi kebanggaan kita sehingga kini.

Selain keistimewaannya sebagai tempat bersejarah, Pasir Salak juga terkenal dengan Terowong Sejarah Pasir Salak. Terowong Sejarah ini menempatkan 42 diorama perkembangan sejarah negara kita. Kesemua diorama ini disusun mengikut kronologi



Diorama pembunuhan J.W.W. Birch



J.W.W. Birch

masa dari petempatan awal manusia di Sungai Selinsing sehinggalah ke zaman kini. Terdapat juga artifak seperti tembikar dan pakaian tradisional dipamerkan di galeri tersebut.

Di terowong ini juga, terdapat Galeri Keris yang menempatkan sebanyak 180 bilah keris dari Kepulauan Melayu. Selain itu, di sekitar Kompleks Sejarah Pasir Salak terdapat Tugu Pahlawan Perak, Tugu Lela Rentaka dan Tugu Peringatan Birch. Anda juga boleh melihat Rumah Kutai dan alatan tradisional yang digunakan oleh masyarakat di Perak pada masa dahulu. Anda juga boleh melawat kubur Seputum yang terdapat di luar kawasan kompleks tersebut.

Keistimewaan sejarah dan warisan budaya di Pasir Salak dihargai dan menjadi kebanggaan penduduknya. Adakah anda berasa bangga dengan sejarah dan keistimewaan di tempat tinggal anda?


Kompleks Sejarah Pasir Salak



Terowong Sejarah Pasir Salak


Tugu Pahlawan Perak

**Tahukah Anda?**

- Residen menasihati sultan dalam hal-hal pentadbiran kecuali hal-hal berkaitan dengan agama Islam dan adat resam Melayu.
- Diorama ialah model untuk menunjukkan peristiwa yang sebenar.

- Apakah nilai sejarah yang terdapat di Pasir Salak?
- Mengapakah keberanian Dato' Maharaja Lela patut dicontohi?

Cari maklumat berkaitan keistimewaan tempat tinggal anda.

1.4.3, 1.4.5

**NOTA GURU**

- Minta murid menceritakan sejarah tempat tinggal mereka.
- Minta murid menghasilkan sajak yang menceritakan keistimewaan tempat tinggal mereka.



## Tokoh Kebanggaanku



MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY




Siapakah tokoh tempatan di tempat anda?

**Dapatkan maklumat tokoh di tempat anda. Secara kreatif, persembahkan dapatan anda di dalam kelas. Pamerkannya di Sudut Sejarah.**

NOTA GURU
- Bimbing murid mengenal dengan lebih lanjut tokoh setempat.
- Minta murid mencari maklumat tokoh setempat di tempat mereka.



# Persekitaran Indah dan Permai

Pasir Salak merupakan sebuah tempat bersejarah. Kompleks Sejarah Pasir Salak merupakan salah satu tarikan pelancong untuk datang ke Pasir Salak. Bagi menarik minat pelancong, pelbagai kemudahan awam disediakan seperti rumah penginapan. Semua kemudahan awam tersebut dijaga supaya dapat berfungsi dengan baik. Pelbagai pokok bunga juga ditanam di sekitar kompleks ini bagi mengindahkannya. Selain itu, tong sampah turut disediakan bagi memastikan kawasan kompleks ini sentiasa bersih.

Penduduk Pasir Salak juga menghargai warisan dan sejarah yang mereka miliki. Mereka sentiasa memastikan kawasan persekitaran bersih.

Selain Pasir Salak, terdapat juga tempat-tempat bersejarah yang lain turut dikekalkan dan dibangunkan seperti Kellie's Castle. Pelbagai usaha diambil untuk memulihara dan mengindahkan tempat ini. Selain menjaga warisan yang ada, keindahan alam sekitar juga dapat memajukan industri pelancongan. Misalnya, di Cameron Highlands, terdapat ladang teh, ladang bunga dan ladang strawberi. Kawasan ini juga menjadi salah satu tempat beristirahat.

Pasir Salak, Perak



Dahulu



Sekarang

Berdasarkan gambar, bandingkan dan bezakan perubahan yang berlaku. Bincangkan.

**Senaraikan cara untuk mengindahkan kawasan persekitaran tempat tinggal anda.**

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

Cameron Highlands, Pahang



Dahulu



Sekarang

Miri, Sarawak



Dahulu




Sekarang

Pulau Gaya, Sabah



Dahulu



Sekarang

NOTA GURU

KS 4.7
KS 4.8

- Bimbing murid memahami kepentingan mengekalkan kawasan tempat tinggal.
- Minta murid melayari Internet untuk mencari kawasan pelancongan di negeri mereka.



# Tak Kenal, Tak Cinta

Cara bermain

1. Tentukan giliran pemain secara undian.
2. Setiap pemain akan menjawab soalan dalam borang yang disediakan.
3. Pemain yang tiba di petak yang mengandungi soalan hendaklah menjawab soalan tersebut.
4. Jika jawapan yang diberikan betul, pemain boleh terus bermain. Pemain yang menjawab soalan dengan betul juga akan mendapat bonus dengan mengikut arahan pada teks berwarna.
5. Jika jawapan yang diberikan salah, pemain akan didenda dengan mengikut arahan pada teks berwarna atau kekal di petak berkenaan.
6. Pemain pertama yang berjaya menjawab semua soalan dianggap sebagai pemenang.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 25 Mengapakah tempat bersejarah perlu dikekalkan? Betul – Pergi ke petak [illegible] | 26 | 27 | 28 | 29 | 30 Mengapakah kita perlu menjaga kebersihan awam di tempat tinggal kita? Salah – Pergi ke petak [illegible] |
| 24 | 23 | 22 Di manakah J.W.W. Birch dibunuh? | 21 | 20 Namakan rumah tradisional negeri Perak. | 19 |
| 13 Bagaimanakah Pasir Salak mendapat nama? Salah – Pergi ke petak 1 | 14 | 15 | 16 Namakan sebuah pulau di Malaysia. Betul – Pergi ke petak [illegible] | 17 | 18 |
| 12 | 11 | 10 Apakah jenis bentuk muka bumi di Kota Bharu, Kelantan? | 9 | 8 | 7 |
| 1 | 2 Nyatakan alamat lengkap rumah anda. | 3 | 4 | 5 Mengapakah Dato Maharaja Lela menentang J.W.W. Birch? Betul – Pergi ke petak [illegible] | 6 |

Borang Jawapan

2. ______________________
5. ______________________
10. ______________________
13. ______________________
16. ______________________
20. ______________________
22. ______________________
25. ______________________
30. ______________________

NOTA GURU



- Berikan masa untuk murid bermain.
- Aktiviti boleh dijalankan dalam bentuk kuiz, permainan atau bentuk lain yang difikirkan sesuai.

1.4.1, 1.4.2,
1.4.4, 1.4.5
KS 4.7,
KS 4.8

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

## Fikir dan Jawab

A. Lengkapkan dialog di bawah dengan jawapan yang betul.

1. Mengapakah kamu bersedih, Semut?

2. Saya sedih sebab saya tidak tahu ____________ kawan baik saya, Kerengga. Saya hendak memulangkan buku yang saya pinjam daripadanya.

3. Saya tahu alamat lengkap Kerengga. Dia tinggal di Pohon Jambu, ________. Kawasan tersebut terletak di ________. Kampungnya sangat cantik. Penduduknya sentiasa ________. Mereka juga menjaga ____________.

4. Baru saya ingat. Kerengga pernah memberitahu saya, tempat tinggalnya terkenal dengan ____________. Tokoh tempatan yang dibanggakan oleh Kerengga ialah ____________. Dia juga mempelawa saya pergi ke ________ untuk melihat ____________ di sana.

5. Nampaknya awak telah tahu alamat lengkap Kerengga. Bolehlah awak pergi ke rumahnya nanti.

6. Terima kasih atas bantuan awak, Labah-labah.

7. Sama-sama.




**NOTA GURU**
- Bantu murid melengkapkan dialog.
- Minta murid melakonkan dialog yang telah dilengkapkan menggunakan alamat mereka.



## Fikir dan Jawab

B. Jawab soalan berikut.

1. Nyatakan dua kepentingan tanah tinggi.
   a. ..........................................
   b. ..........................................

2. Berikan dua contoh kegunaan alamat yang lengkap.
   a. ..........................................
   b. ..........................................

3. Senaraikan dua cara untuk mengindahkan tempat tinggal.
   a. ..........................................
   b. ..........................................

4. Senaraikan perkara yang perlu ada pada alamat lengkap.
   a. ..........................................
   b. ..........................................
   c. ..........................................
   d. ..........................................
   e. ..........................................

5. Pada pendapat anda, mengapakah tempat-tempat bersejarah perlu dikekalkan dan dibangunkan?
   ..........................................
   ..........................................
   ..........................................





**NOTA GURU**
- Bantu murid menjawab soalan.
- Minta murid membuat kesimpulan tentang kepentingan mengetahui alamat tempat tinggal mereka dengan jelas.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY


# Unit 5 ZAMAN AIR BATU



NOTA GURU
• Bimbing murid meneliti gambar di atas.



## Kenali Zaman Air Batu

Zaman Air Batu merupakan zaman ketika air batu menutupi permukaan bumi. Zaman ini dianggarkan bermula antara 2.6 juta hingga 3.5 juta tahun dahulu. Pada ketika ini, iklim bumi amat sejuk.

Apabila suhu bumi meningkat, air batu mula cair. Faktor ini menyebabkan berlakunya pergerakan glasier yang pertama sehingga menyebabkan wujudnya daratan dan lautan.



**Tahukah Anda?**
Glasier ialah timbunan besar ais yang bergerak perlahan-lahan menuruni cerun atau merebak ke permukaan laut.



Pergerakan glasier mewujudkan daratan dan lautan

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

Apabila suhu bumi semakin meningkat, berlaku pergerakan glasier kali kedua. Akibat pergerakan glasier kali kedua ini, terbentuklah tujuh benua dan tujuh lautan.

| Benua |
|---|
| 1. Amerika Utara |
| 2. Amerika Selatan |
| 3. Eropah |
| 4. Afrika |
| 5. Asia |
| 6. Oceania (Australia, New Zealand dan pulau-pulau di sekitarnya) |
| 7. Antartika |

| Lautan |
|---|
| 1. Lautan Pasifik Utara |
| 2. Lautan Pasifik Selatan |
| 3. Lautan Atlantik Utara |
| 4. Lautan Atlantik Selatan |
| 5. Lautan Hindi |
| 6. Lautan Artik |
| 7. Lautan Antartika |




Benua dan lautan pada hari ini

- Apakah yang dimaksudkan dengan Zaman Air Batu?
- Bagaimanakah benua dan lautan terbentuk?

Pilih satu benua. Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari maklumat tambahan mengenai benua tersebut. Hasilkan sebuah album mini.

2.1.1, 2.1.2, 2.1.3

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali Zaman Air Batu.
- Bimbing murid memahami perubahan yang berlaku pada Zaman Air Batu.



## Kepulauan Melayu

Zaman Air Batu dapat dibuktikan melalui kewujudan Pentas Sunda. Peningkatan suhu muka bumi mulai 10 000 tahun dahulu menyebabkan pencairan air batu. Faktor ini mewujudkan sungai, laut dan kawasan darat yang besar. Kawasan darat ini dikenali sebagai Pentas Sunda. Kewujudan Pentas Sunda memudahkan manusia dan haiwan bergerak di atasnya.

Pencairan air batu yang berterusan menyebabkan aras laut naik tiga meter lebih tinggi berbanding aras laut pada Zaman Air Batu. Pencairan ini disebabkan oleh perubahan suhu yang menyebabkan Pentas Sunda ditenggelami oleh air. Akibatnya, terbentuklah pulau-pulau yang dinamakan Kepulauan Melayu.



Kawasan dalam kotak merah ialah Pentas Sunda pada Zaman Air Batu.

Kawasan dalam kotak merah ialah Pentas Sunda pada hari ini.



**Tahukah Anda?**

Pentas Sunda ialah tanah daratan yang luas. Apabila Pentas Sunda ditenggelami air laut, terbentuklah Kepulauan Melayu.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

Kepulauan Melayu terdiri daripada Tanah Melayu, Sumatera, Pulau Jawa, Pulau Borneo, Sulawesi, Mindanao, Palawan, Luzon, Visayas, Cebu dan Ternate. Selat Melaka juga terbentuk pada masa ini.




Kepulauan Melayu

- Mengapakah berlaku pencairan air batu?
- Apakah yang berlaku pada Pentas Sunda selepas pencairan air batu?

**Dengan menggunakan Internet, cari maklumat yang berkaitan dengan Kepulauan Melayu. Secara kreatif, hasilkan penanda buku yang mengandungi maklumat tersebut. Jual penanda buku tersebut semasa hari keusahawanan di sekolah.**



NOTA GURU
- Bimbing murid mengenal Zaman Air Batu dan perubahan yang berlaku.
- Bantu murid menghasilkan penanda buku.
- Bimbing murid menjual penanda buku tersebut.



## Pentingnya Alam Sekitar

Alam sekitar ialah alam di sekeliling kita seperti sungai, hutan dan tumbuh-tumbuhan. Tumbuh-tumbuhan ini dapat mengeluarkan gas oksigen yang diperlukan untuk pernafasan. Hutan pula menjadi habitat bagi haiwan dan kawasan tadahan hujan. Selain hutan, sungai juga perlu dipelihara. Sungai yang bersih merupakan sumber air utama kepada manusia.

Oleh itu, perbuatan memusnahkan hutan akan mengakibatkan kandungan oksigen berkurangan dan karbon dioksida bertambah. Begitu juga perbuatan membuang sampah dan sisa toksik ke dalam sungai. Perbuatan ini akan menjejaskan sumber air minuman yang bersih. Faktor ini akan menyebabkan bumi tercemar dan habitat haiwan terganggu.



MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

Bagi memastikan alam sekitar terpelihara, kita boleh mengitar semula barangan, menanam lebih banyak pokok dan mengurangkan penggunaan elektrik.



Kita perlu menjaga keindahan alam sekitar kerana masa yang telah berlalu tidak akan datang kembali.




**Tahukah Anda ?**

- Hari Bumi disambut pada 22 Mac setiap tahun.
- Kempen mengurangkan penggunaan beg plastik diadakan bertujuan untuk menjaga alam sekitar.

- Apakah yang berlaku sekiranya alam sekitar tidak dijaga?
- Bagaimanakah anda menjaga alam sekitar?

Cari keratan akhbar yang menunjukkan cara menjaga alam sekitar. Bentangkan hasil dapatan anda.



## Perubahan Zaman Air Batu

Pernahkah anda melihat air batu mencair? Air batu mencair apabila terdedah kepada haba yang panas. Hasilkan uji kaji di bawah agar anda lebih memahami tajuk Zaman Air Batu ini.

### Cara Membuat

1. Renyukkan kertas putih menjadi bentuk bulat. Balut dengan kertas berwarna biru untuk membentuk bumi.



2. Salut "bumi kertas" dengan pita pelekat.



3. Buat bentuk muka bumi menggunakan plastisin. Lekatkannya pada "bumi kertas". Letakkan haiwan pada plastisin tersebut.



4. Masukkan "bumi kertas" ke dalam plastik. Isikan air, ikat dan masukkan ke dalam peti sejuk.



5. Keluarkan bumi yang telah sejuk dan cairkan.



### Alatan



- Kertas putih dan biru
- Pita pelekat
- Binatang mainan
- Beg plastik
- Getah
- Air

- Mengapakah air batu mencair?
- Apakah perubahan yang dapat anda lihat selepas pencairan air batu?

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

# Fikir dan Jawab

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.




1. Sikap _________ amat perlu untuk menjaga alam sekitar.
2. Air batu _________ apabila _________ bumi meningkat.
3. _________ merupakan pulau dalam Kepulauan Melayu.
4. Mengurangkan penggunaan _________ dapat menjaga alam sekitar.
5. Pada Zaman Air Batu, _________ muka bumi diliputi oleh _________.
6. Pergerakan _________ menyebabkan wujudnya _________ dan lautan.
7. Hutan perlu dijaga kerana menjadi _________ haiwan dan kawasan tadahan air.
8. Pembuangan sisa _________ dan sampah akan mencemarkan _________ air kita.
9. _________ membekalkan manusia dan haiwan _________ yang bersih dan sumber makanan.
10. _________ Sunda menjadi dataran sehingga _________ dan haiwan boleh bergerak di atasnya.




NOTA GURU
- Bimbing murid menjawab soalan.
- Aktiviti ini boleh dijalankan dalam bentuk kuiz secara berkumpulan atau individu.



# Fikir dan Jawab

B. Berikan jawapan yang betul.

1. Namakan tiga benua di dunia.

   a. ..........................

   b. ..........................

   c. ..........................

2. Namakan tiga lautan di dunia.

   a. ..........................

   b. ..........................

   c. ..........................

3. Berikan pendapat anda jika anda hidup pada Zaman Air Batu.

   ..........................................................................

   ..........................................................................

   ..........................................................................









NOTA GURU
- Bimbing murid menjawab soalan.
- Aktiviti ini boleh dijalankan dalam bentuk kuiz secara berkumpulan atau individu.
- Bersoal jawab dengan murid, rumuskan jawapan tentang Zaman Air Batu.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY


# Unit 6 ZAMAN PRASEJARAH



**NOTA GURU**

- Minta murid menyatakan dapatan mereka daripada gambar yang ditunjukkan.
- Jelaskan kepada murid tentang kehidupan manusia prasejarah.



## Prasejarah

Prasejarah ialah zaman manusia belum mempunyai tulisan. Kewujudan manusia prasejarah dapat diketahui melalui kajian arkeologi dengan menggunakan kaedah gali cari. Prasejarah dibahagikan kepada empat zaman utama iaitu Paleolitik, Mesolitik, Neolitik dan Logam.




Lapisan paling bawah menunjukkan zaman lebih awal.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY




Pelempatan prasejarah di Malaysia

**Logam**
- Sungai Tembeling, Pahang
- Lembah Bernam, Selangor
- Gua Harimau, Perak

**Neolitik**
- Bukit Tengkorak, Sabah
- Gua Cha, Kelantan
- Gua Badak, Perak

**Mesolitik**
- Jenderam Hilir, Selangor
- Gua Madai, Sabah
- Guar Kepah, Seberang Prai

**Paleolitik**
- Kota Tampan, Perak
- Tingkayu, Sabah
- Gua Niah, Sarawak

- Apakah yang dimaksudkan dengan prasejarah?
- Nyatakan dua lokasi Zaman Paleolitik.

Surih peta dan labelkan lokasi petempatan prasejarah.

NOTA GURU
- Terangkan kepada murid maksud prasejarah.
- Minta murid mencari maklumat tambahan tentang Zaman Paleolitik, Mesolitik, Neolitik dan Logam.

3.1.1, 3.1.2 KB1.6



## Zaman Paleolitik

Manusia pada Zaman Paleolitik berusaha menyesuaikan kehidupan dengan alam sekeliling mereka. Faktor ini penting kerana alam sekeliling merupakan sumber utama bagi mereka mendapatkan makanan. Manusia pada Zaman Paleolitik tinggal di dalam dan di sekitar gua yang berhampiran. Mereka hidup berpindah-randah, memburu binatang dan mengumpulkan hasil hutan. Pada masa ini, mereka sudah tahu menggunakan api untuk memanaskan badan dan melindungi diri daripada binatang buas. Mereka juga tahu mengebumikan mayat.

Gambaran pelukis menunjukkan manusia pada Zaman Paleolitik.



- Alatan batu yang digunakan kasar buatannya.
- Repihan batu dijadikan alat meraut dan memotong.
- Kapak digunakan untuk memburu.

- Berdasarkan gambar, nyatakan aktiviti yang dilakukan oleh manusia Zaman Paleolitik.
- Pada pandangan anda, mengapakah manusia Zaman Paleolitik hidup berpindah-randah?

Menggunakan pelbagai sumber, cari maklumat tentang Zaman Paleolitik. Ceritakan dapatan anda.

NOTA GURU
- Jelaskan aktiviti yang dilakukan oleh manusia Zaman Paleolitik kepada murid.
- Minta murid mencari maklumat tentang alatan yang digunakan oleh manusia Zaman Paleolitik.

3.1.3, 3.1.4, 3.1.5 KB1.7, KB1.8

## Zaman Mesolitik

Zaman Mesolitik berlaku antara Zaman Paleolitik dengan Zaman Neolitik. Manusia Zaman Mesolitik tinggal dalam kelompok, masih memburu dan mencari hasil hutan dan sungai. Senjata yang digunakan untuk memburu juga lebih halus sedikit buatannya berbanding dengan Zaman Paleolitik. Mereka juga telah pandai mengebumikan mayat. Mayat tersebut akan dibengkokkan semasa dikebumikan.

Gambaran pelukis menunjukkan manusia pada Zaman Mesolitik.



Berdasarkan gambar, ceritakan cara hidup manusia Zaman Mesolitik.

Bandingkan peralatan pada Zaman Mesolitik dan Zaman Paleolitik.



- Alatan batu yang digunakan lebih licin buatannya.
- Repihan batu dijadikan alat meraut dan memotong.
- Kapak digunakan untuk memotong kayu.

3.1.3, 3.1.4
3.1.5
K3.1.7,
K3.1.8

NOTA GURU

- Jelaskan Zaman Mesolitik merupakan zaman peralihan antara Zaman Paleolitik dengan Zaman Neolitik.



## Zaman Neolitik

Zaman Neolitik merupakan zaman batu akhir yang menunjukkan peningkatan dalam kehidupan manusia. Alatan batu mereka lebih halus buatannya. Mereka masih berburu dan mencari hasil hutan dan sungai. Mereka telah pandai menggunakan api untuk memasak. Mereka juga telah mempunyai ketua dan ada pembahagian kerja.

Manusia Zaman Neolitik seperti yang tinggal di Gua Cha telah pandai membuat tembikar tanah. Mereka memasukkan tembikar tanah semasa mengebumikan mayat. Mereka juga telah menjalankan perdagangan sistem barter.

Gambaran pelukis menunjukkan manusia pada Zaman Neolitik di gua.



**Tahukah Anda?**
Sistem barter ialah sistem tukar barang.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

Pada Zaman Neolitik juga telah ada petempatan di kawasan lapang. Mereka tidak lagi tinggal di dalam gua. Mereka telah pandai membuat rumah untuk tempat tinggal.

Gambaran pelukis menunjukkan manusia pada Zaman Neolitik di kawasan lapang.



- Mencipta tembikar tanah.
- Alatan batu yang lebih licin buatannya dan mempunyai pelbagai fungsi.
- Menggunakan alatan batu seperti beliung untuk membuat perahu.
- Pemukul diperbuat daripada batu untuk meleper dan menghaluskan kulit kayu dan kulit binatang untuk membuat pakaian.

Berdasarkan gambar, nyatakan bukti yang menunjukkan manusia Zaman Neolitik lebih maju daripada zaman sebelumnya.

**Secara berkumpulan, adakan simulasi sistem barter dalam kelas.**

3.1.3, 3.1.4, 3.1.5, K3.1.7, K3.1.8

NOTA GURU
- Bantu murid memahami aktiviti manusia Zaman Neolitik.
- Jelaskan alatan yang digunakan oleh manusia Zaman Neolitik.
- Bantu murid membuat simulasi sistem barter.



## Zaman Logam

Zaman Logam ialah zaman manusia telah mencipta alat-alat menggunakan logam. Manusia Zaman Logam masih tinggal di dalam gua dan ada yang tinggal di kawasan lapang. Rumah yang mereka bina lebih baik berbanding dengan Zaman Neolitik. Walau bagaimanapun, di setengah-setengah tempat, masyarakat pada zaman ini masih lagi menggunakan alatan yang diperbuat daripada batu.

Manusia Zaman Logam masih menggunakan sistem barter. Manusia Zaman Logam juga telah pandai menjinakkan binatang. Pada Zaman Logam, mayat dikebumikan menggunakan kubur batu kepingan.



Gambaran pelukis menunjukkan manusia pada Zaman Logam.

- Apakah peralatan yang dihasilkan pada Zaman Logam?
- Apakah kebaikan penciptaan alatan logam dalam kehidupan pada hari ini? Bincangkan.

**Secara berkumpulan, reka cipta tembikar tanah menggunakan *paper clay*. Jadikan tembikar tersebut sebagai pasu bunga.**



- Menghasilkan alatan daripada logam untuk kegunaan pertukangan, pertanian dan perdagangan.
- Alatan yang dicipta seperti loceng, kapak, sabit, mata pisau dan mata lembing.
- Telah pandai membuat perhiasan daripada manik.

NOTA GURU

3.1.3, 3.1.4, 3.1.5, KB1.7, KB1.8

- Jelaskan kepada murid bahawa kehidupan manusia pada Zaman Logam telah tersusun.



## Warisan Kesayangan Saya

Manusia prasejarah kreatif dalam mencipta pelbagai alatan untuk kegunaan harian yang sesuai dengan alam sekitar. Alatan tersebut diperbaharui mengikut peredaran masa. Kemahiran ini merupakan unsur inovatif yang ada pada manusia prasejarah. Sikap inovatif ini menjadi faktor penting dalam kemajuan pembuatan alatan manusia sehingga kini.



Petunjuk:

Alatan Pada Masa Dahulu

Alatan Pada Masa Sekarang

- Nyatakan nama alatan dalam gambar di atas.
- Senaraikan faedah alatan pada masa sekarang berbanding dengan alatan pada masa dahulu.

Cari gambar alatan pada zaman dahulu yang anda tahu. Senaraikan fungsi alatan tersebut. Hasilkan buku skrap.

NOTA GURU

- Bantu murid menyatakan nama alatan pada masa dahulu.
- Dengan menggunakan Internet, minta murid mencari maklumat tentang alatan zaman dahulu dan menceritakannya dalam kelas.
- Adakan lawatan ke muzium untuk melihat alatan lama yang digunakan oleh manusia prasejarah.

3.1.3, KB1.6, KB1.7, KB1.8

## Kebanggaan Negara

Tinggalan manusia prasejarah merupakan warisan yang perlu dibanggakan. Melalui tinggalan tersebut, terbukti bahawa di negara kita telah wujud petempatan sejak zaman prasejarah lagi. Kita juga dapat mengetahui corak petempatan dan aktiviti mereka. Bagi mengukuhkan pemahaman anda, lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

| Zaman | Tempat Tinggal | Kegiatan | Alatan |
|---|---|---|---|
| Zaman Paleolitik | | | |
| Zaman: ________ | | | |
| Zaman: ________ | | | |
| Zaman: ________ | | | |

NOTA GURU
- Bagi menguji pemahaman murid, aktiviti di atas boleh dijalankan secara kreatif dalam bentuk kuiz atau borang lain yang difikirkan sesuai.

1.1.3, 1.1.4 K3.1.6, K3.1.8



## Model Petempatan Prasejarah

**Alatan**

Polistirena, *paper clay*, kertas keras, tumbuhan kecil dan barang hiasan, daun kelapa kering, lidi, gunting, warna air, berus lukisan, span hijau, plastisin dan gam.



**Cara Membuat**

1. Buat tapak model menggunakan polistirena dan kertas keras.



2. Buat bentuk gua menggunakan *paper clay*. Lekatkan gua pada tapak model.



3. Buat model rumah menggunakan daun kelapa kering dan kertas keras. Lekatkan pada tapak model.



4. Hiaskan tapak model dengan span hijau bagi membentuk rumput.



5. Buat alatan prasejarah menggunakan lidi dan *paper clay*. Warnakan alatan tersebut.





6. Warnakan gua. Hias persekitaran gua dengan pokok dan barang hiasan serta lukisan.



7. Model petempatan yang telah siap.



NOTA GURU
- Bantu murid menghasilkan model petempatan prasejarah secara kreatif.
- Pamerkan di Sudut Sejarah.

1.1.3, 1.1.4 K3.1.6

# Fikir dan Jawab

A. Cari objek tersembunyi yang berkaitan dengan manusia prasejarah.

- Manusia Zaman Paleolitik menggunakan **repihan batu** untuk meraut dan memotong.
- Manusia Zaman Neolitik sudah pandai membuat **tembikar** daripada tanah liat.
- Manusia pada Zaman Logam telah pandai membuat perhiasan daripada **manik**.
- Alatan batu seperti **beliung** digunakan untuk membuat perahu.
- Manusia Zaman Logam sudah pandai membuat dan menggunakan **kapak**, **mata lembing** dan **loceng**.



NOTA GURU
- Minta murid mencari benda tersembunyi.
- Aktiviti boleh dijalankan secara berpasangan atau individu.
- Secara berkumpulan, minta murid mempamerkan aktiviti manusia prasejarah secara kreatif.



# Fikir dan Jawab

B. Susun huruf pada ruang jawapan supaya menjadi perkataan yang betul.

1. Alatan batu Zaman ikoMlei diperbuat daripada tabu.
2. Alatan raklembi nahla mula dicipta oleh manusia Zaman Neolitik.
3. Kewujudan manusia prasejarah diketahui melalui kajian gikoolar.
4. Petempatan Zaman Paleolitik terletak di aGu hiaN, looK anTamp dan kaTiyung.
5. Manusia Zaman Logam melakukan aktiviti perdagangan menggunakan mestis bearfr.
6. Manusia Zaman Logam menggunakan kubur tabu anpingke untuk mengebumikan mayat.
7. Manusia manZa maLog menggunakan logam untuk membuat alatan yang tahan lebih lama.
8. Sikap manusia prasejarah yang fikreat dan vainoft boleh dijadikan contoh dalam kehidupan harian.
9. Alatan yang dicipta oleh manusia Zaman Neolitik dan Logam lebih indi dan majat dibandingkan dengan alatan batu Zaman Paleolitik.

NOTA GURU
- Bantu murid membuat kesimpulan tentang kehidupan manusia prasejarah.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY



# Unit 7 KERAJAAN MELAYU AWAL



NOTA GURU



## Warisan Negara Saya

Sebelum munculnya Kesultanan Melayu Melaka, telah wujud beberapa kerajaan Melayu awal. Kerajaan-kerajaan Melayu Awal yang terletak di pesisiran pantai ini dikenali sebagai kerajaan maritim. Kerajaan-kerajaan tersebut wujud pada masa yang berbeza. Kerajaan-kerajaan awal ini merupakan pusat perdagangan yang maju pada zamannya.

**Chih-Tu**

Kerajaan Chih-Tu diasaskan oleh Raja Gautama pada abad ke-6 Masihi. Kerajaan ini terletak berhampiran Sungai Kelantan. Menurut sumber China, Chih-Tu bermaksud Tanah Merah. Kerajaan ini mempunyai hubungan yang erat dengan China.

**Kerajaan Kedah Tua**

Kerajaan Kedah Tua dikatakan wujud pada abad ke-5 Masihi. Kerajaan ini terletak di Lembah Bujang. Gunung Jerai menjadi panduan ulama kepada pedagang untuk singgah di Kedah Tua. Kedah Tua juga merupakan pengeluar padi yang merupakan barang dagangan utama.




Lokasi Kerajaan-kerajaan Melayu Awal

Nyatakan nama Kerajaan-kerajaan Melayu Awal dan lokasinya.

Ceritakan keistimewaan Kerajaan-kerajaan Melayu Awal.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

**Santubong**

Kerajaan Santubong merupakan sebuah kerajaan kecil di Sungai Sarawak yang wujud sekitar abad ke-7 Masihi. Santubong terkenal sebagai kawasan perlombongan bijih besi. Santubong juga merupakan tempat peleburan bijih besi. Ramai pedagang singgah di Santubong sehingga berkembang menjadi pelabuhan.

**Gangga Negara**

Kerajaan Gangga Negara terletak berhampiran Sungai Dinding. Menurut *Sejarah Melayu*, Gangga Negara dikatakan wujud sekitar abad ke-11 Masihi. Keluasan Gangga Negara meliputi kawasan Beruas dan Dinding di Perak. Gangga Negara juga terkenal sebagai kawasan penanaman padi.




**Temasik**

Menurut *Sejarah Melayu*, Temasik diasaskan oleh Sang Nila Utama pada abad ke-14 Masihi. Sang Nila Utama merupakan seorang putera dari Palembang. Temasik terletak di muara Sungai Singapura. Temasik terkenal sebagai pelabuhan dan kawasan kegiatan perikanan.

**Beruas**

Kerajaan Beruas wujud sekitar abad ke-15 Masihi selepas kemerosotan Gangga Negara. Kerajaan Beruas terletak di Sungai Dinding. Beruas mendapat nama daripada pokok Beruas. Beruas sangat terkenal sebagai kawasan penanaman padi.

**NOTA GURU** (4.1.1, 4.1.2)

- Bimbing murid memahami kerajaan-kerajaan Melayu Awal.
- Bantu murid mengenal pasti lokasi kerajaan-kerajaan tersebut pada peta Malaysia.
- Minta murid menyurih peta tersebut dan menamakannya dalam buku latihan.



## Kedudukan Kerajaan-kerajaan Melayu Awal di Asia Tenggara

Pernahkah anda melihat mata angin? Mata angin digunakan oleh pedagang untuk mengetahui arah pelayaran. Terdapat lapan arah mata angin yang utama iaitu Utara, Timur Laut, Timur, Tenggara, Selatan, Barat Daya, Barat dan Barat Laut.







Namakan laut, selat, teluk dan pulau di sekitar Kerajaan-kerajaan Melayu Awal.

1. Dengan menggunakan mata angin, cari lokasi Kerajaan-kerajaan Melayu Awal yang terdapat pada peta.
2. Surih peta dan namakan laut, selat, teluk dan pulau di sekitar Kerajaan-kerajaan Melayu Awal tersebut.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

**Tahukah Anda?**

- Laut atau lautan ialah kawasan perairan yang luas.
- Selat ialah laut sempit yang memisahkan dua daratan.
- Teluk ialah bahagian laut yang menganjur masuk ke darat.
- Pulau ialah sebuah kawasan daratan yang dikelilingi air.
- Borneo merupakan pulau ketiga terbesar di dunia.




Laut, selat, teluk dan pulau di Asia Tenggara

## Keunikan Kerajaan-kerajaan Melayu Awal

Sejak zaman Kerajaan-kerajaan Melayu Awal lagi, kawasan perairan negara kita menjadi laluan perdagangan antara China dan India. Bolehkah anda nyatakan faktor yang menyebabkan perairan negara kita menjadi laluan perdagangan di antara China dengan India?




Jalan perdagangan di antara China dengan India yang melalui Kerajaan-kerajaan Melayu Awal

**NOTA GURU**

- [illegible]
- [illegible]

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

Kerajaan-kerajaan Melayu Awal telah menjadi tempat persinggahan para pedagang di antara China dengan India. Mereka juga mengumpulkan hasil tempatan untuk didagangkan. Selain itu, kerajaan-kerajaan ini juga menjadi pusat pengembangan agama.

Pada masa itu, Selat Melaka turut menjadi laluan penting bagi para pedagang untuk berdagang dan mengembangkan agama di Kerajaan-kerajaan Melayu Awal. Faktor ini disebabkan keadaan Selat Melaka yang dalam dan tenang. Hal ini membolehkan kapal-kapal besar melaluinya. Selat Melaka juga terlindung daripada tiupan angin kencang Monsun Barat Daya dan Monsun Timur Laut. Selain itu, Selat Melaka juga merupakan selat terpanjang di dunia.

Kita harus berasa bangga kerana Kerajaan-kerajaan Melayu Awal terkenal sebagai pusat perdagangan manakala Selat Melaka sebagai jalan perdagangan. Keunikan ini menjadi asas kegemilangan negara kita pada hari ini.

- Mengapakah Kerajaan-kerajaan Melayu Awal ini penting?
- Sekiranya Selat Melaka tiada, apakah yang akan terjadi pada negara kita?

**Surih peta dan namakan jalan perdagangan dan angin monsun yang membantu para pedagang belayar.**

KS 1.3

NOTA GURU

- Bantu murid memahami keistimewaan kedudukan Kerajaan-kerajaan Melayu Awal.
- Dengan menggunakan Internet, minta murid mencari kedudukan Malaysia di peta dunia.



## Laut Anugerah Tuhan



Masyarakat Kerajaan-kerajaan Melayu Awal bijak memanfaatkan laut. Mereka menjalankan kegiatan ekonomi yang berkaitan dengan hasil laut dan perdagangan. Lama-kelamaan, petempatan ini berkembang menjadi perkampungan nelayan, seterusnya menjadi pelabuhan.

Pelabuhan-pelabuhan ini menyediakan pelbagai kemudahan seperti bekalan air mentah, makanan, tempat menyimpan barang, kawasan berjual beli dan perkhidmatan membaiki kapal. Kemudahan ini disediakan untuk keselesaan para pedagang sementara menunggu perubahan angin untuk belayar.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY



Perkembangan ini memberikan peluang kepada masyarakat Kerajaan-kerajaan Melayu Awal menjadi perajh dan peniaga. Mereka juga menjadi pemunggah barangan dari kapal ke pelabuhan dan sebaliknya.

Kegigihan masyarakat Kerajaan-kerajaan Melayu Awal untuk maju menyebabkan munculnya pembuat-pembuat perahu dan kapal layar. Selain itu, mereka juga terlibat dalam industri pembaikan kapal.

Nyatakan aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan laut.

**Secara berkumpulan, cari maklumat berkaitan aktiviti di pesisiran pantai pada masa kini.**

NOTA GURU
- Bimbing murid mengenal aktiviti berasaskan laut dalam Kerajaan-kerajaan Melayu Awal.
- Minta murid membincangkan aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat pada zaman Kerajaan-kerajaan Melayu Awal.



## Indahnya Alam Sekitar




- Mengapakah berlaku pencemaran pantai?
- Apakah kesan pencemaran terhadap alam sekitar?



**Tahukah Anda**

- Flora bermaksud tumbuh-tumbuhan.
- Fauna bermaksud haiwan.

**Buat simulasi langkah-langkah untuk mengekalkan kebersihan pantai dan alam sekitar. Persembahkannya mengikut kreativiti anda.**

NOTA GURU

KA 1.6

- Bimbing murid mengenal pasti punca-punca yang membawa kepada kemusnahan kawasan pesisiran pantai.
- Minta murid menjelaskan keadaan pesisiran pantai atau sungai di tempat masing-masing.
- Minta murid bergotong-royong membersihkan kawasan landskap sekolah.



PEMBINAAN

# Uniknya Negara Kita

Kedudukan negara kita yang strategik amat istimewa sejak zaman Kerajaan-kerajaan Melayu Awal lagi. Bersama-sama dengan kawan, hasilkan model peta Kerajaan-kerajaan Melayu Awal.

## Alatan




## Cara Membuat

1. Lukis peta pada kertas keras.



2. Ratakan plastisin biru untuk membentuk laut.



3. Gunakan kertas tumbuk untuk membentuk peta. Keringkan.



4. Warnakan peta yang telah kering.



5. Labelkan
   a. Kerajaan Melayu awal
   b. Laut, selat, teluk dan pulau.



6. Letakkan kapal kertas pada peta. Pasangkan kipas kecil di sudut atas model.



Bagaimanakah cara anda menghargai negara kita?

Hasil ujian menunjukkan Kerajaan-kerajaan Melayu Awal terlindung daripada Angin Monsun Barat Daya dan Angin Monsun Timur Laut. Ini membuktikan kedudukan negara kita unik dan strategik.



NOTA GURU

- Bantu murid membina model peta Kerajaan-kerajaan Melayu Awal dan membuat uji kaji.

4.1.1, 4.1.2
KA 1.7

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

## Fikir dan Jawab

A. Jawab soalan di bawah.




1. Namakan kerajaan-kerajaan yang berlanda
   A : ..................  D : ..................
   B : ..................  E : ..................
   C : ..................  F : ..................
2. Mengapakah Kerajaan F maju dalam perdagangan?
   ..........................................................................
3. Namakan laut yang bertanda P ..........................................
4. Namakan selat yang bertanda Q..........................................
5. Namakan teluk yang bertanda R..........................................

NOTA GURU
- Bimbing murid menjawab soalan
- Tambah soalan lain yang berkaitan menggunakan peta di atas



## Fikir dan Jawab

Jawab soalan di bawah. Berikan alasan pada jawapan yang salah.

| | Penyataan | Jawapan | Alasan |
|---|---|---|---|
| 1 | Terdapat sembilan arah mata angin. | | |
| 2 | Selat terpanjang di dunia ialah Selat Makasar. | | |
| 3 | Santubong merupakan tempat peleburan bijih besi. | | |
| 4 | Chih-Tu mempunyai hubungan dengan China. | | |
| 5 | Laut China Selatan terletak di Barat Tanah Melayu. | | |
| 6 | Kerajaan-kerajaan Melayu Awal wujud sebelum Kesultanan Melayu Melaka. | | |
| 7 | Pencemaran berlaku kerana sikap manusia yang tidak menghargai alam semula jadi. | | |
| 8 | Beruas merupakan kerajaan Melayu awal yang wujud selepas Gangga Negara. | | |
| 9 | Kedudukan kerajaan Kedah Tua terlindung daripada Angin Monsun Barat Daya. | | |
| 10 | Masyarakat pada zaman Kerajaan-kerajaan Melayu Awal mahir dalam pembinaan perahu dan kapal layar. | | |

NOTA GURU
- Minta murid membuat kesimpulan tentang kehebatan Kerajaan-kerajaan Melayu Awal

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY


# Unit 8 TOKOH TERBILANG

## Syair Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka



Tersebutlah kisah negeri Melaka,
Sultan, Bendahara, Laksamana tercinta,
Memerintah negeri aman sentosa,
Tersohorlah sudah seluruh dunia.

Sultan Melaka memerintah negeri,
Penuh adil lagi bestari,
Melaka menarik dagang senteri,
Hingga tersohor ke sana sini.

Bendahara pula pentadbir utama,
Menasihati Sultan penuh bijaksana,
Mengetuai perang menentang durjana,
Juga memastikan keselamatan raja.

Laksamana pula pantang derhaka,
Melaksana tugas untuk Melaka,
Menjadi pengawal untuklah raja,
Menyelamat Melaka dari bahaya.

NOTA GURU
- Perdengarkan rentak syair kepada murid.
- Minta murid menceritakan pengalaman mereka mendengar syair sebelum ini jika ada.
- Bersama-sama dengan murid, lagukan syair di atas.



## Maksud Tokoh Terbilang

Kesultanan Melayu Melaka mempunyai tokoh terbilang yang dihormati dalam kalangan masyarakat Melayu Melaka.




- Apakah yang dimaksudkan dengan tokoh terbilang?
- Senaraikan ciri-ciri tokoh terbilang.

Mengapakah ciri-ciri di atas perlu ada pada seseorang tokoh terbilang?

NOTA GURU
- Jelaskan kepada murid maksud dan ciri-ciri tokoh terbilang.
- Minta murid memberikan pendapat kepentingan ciri-ciri tersebut.

5.1.1

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

## Kedudukan Tokoh Terbilang

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, tokoh terbilang terdiri daripada Sultan sebagai pemerintah dan kerabat diraja sebagai penyokong. Pembesar pula sebagai pelaksana pemerintahan. Sultan berada di atas puncak susun lapis masyarakat diikuti oleh golongan pembesar.

Rakyat pula boleh mencapai kedudukan yang lebih baik jika mereka memberikan sumbangan bermakna kepada negeri. Contohnya, Laksamana Hang Tuah.




**Tahukah Anda?**

- Bendahara ialah pembesar yang berperanan menasihati Sultan.
- Laksamana ialah pembesar yang mengetuai angkatan tentera laut.
- Penghulu Bendahari ialah pembesar yang mengurus kewangan negeri.
- Temenggung ialah pembesar yang menjaga keamanan negeri Melaka.
- Kerabat diraja sebagai penyokong bermakna membantu pemerintah.

Mengapakah tokoh terbilang dihormati?

**Secara berkumpulan, cari maklumat berkaitan tugas Temenggung dan Penghulu Bendahari. Bentangkan dapatan tersebut di hadapan kelas.**

S1.2
KS1.6

NOTA GURU
- Jelaskan kepada murid tentang peranan Sultan dalam Kesultanan Melayu Melaka.
- Minta murid berbincang tentang susun lapis pemerintahan semasa Kesultanan Melayu Melaka.



## Sultan yang Berdaulat


Sultan berbincang dengan para pembesar bagi melaksanakan sistem pentadbiran yang sistematik.


Sultan menerima sembah demi mengukuhkan kedaulatan raja.


Sultan menerima kedatangan pedagang luar bagi memajukan perdagangan di Melaka.



MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY



Sultan menganugerahkan watikah kepada diplomat asing bagi menjalinkan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan kuasa asing.



Sultan menyamar pada waktu malam untuk menangkap pencuri bagi memastikan keselamatan dan keamanan negeri.



Sultan menjadi imam semasa sembahyang bagi memartabatkan agama Islam.



Sultan memanggil ulama ke istana untuk mengajar agama Islam bagi menggalakkan perkembangan ilmu pengetahuan.



Sultan mengahwini puteri dari negeri lain bagi meluaskan jajahan takluk, menjalin hubungan antarabangsa dan mengembangkan perdagangan.

Nyatakan peranan sultan dalam memajukan Melaka.

**Sebagai Sultan Melaka, bagaimanakah anda memajukan Kesultanan Melayu Melaka?**

NOTA GURU

- Jelaskan kepada murid tentang peranan Sultan sebagai pemerintah.
- Minta murid memberikan pendapat mengapa Sultan Melaka mengahwini puteri dari negeri lain.

5.1.3 KS1.4, KS1.6



## Bendahara yang Bijaksana




- Penasihat Sultan dalam pentadbiran dan pengurusan Melaka.
- Penasihat peribadi Sultan.
- Pemimpin angkatan perang.
- Ketua diplomat.
- Penjaga keselamatan Sultan.
- Pemangku Sultan apabila Sultan gering atau keluar negara.
- Pembantu Sultan dalam mengembangkan agama Islam.

Apakah sumbangan Bendahara kepada Kesultanan Melayu Melaka?
Apakah jawatan yang dapat disamakan dengan jawatan Bendahara dalam sistem pentadbiran sekarang?

**Cari maklumat tentang Bendahara Melaka melalui pelbagai sumber. Bentangkan kepada kelas.**

NOTA GURU

- Jelaskan kepada murid tentang peranan Bendahara sebagai penasihat kepada Sultan.
- Minta murid membuat simulasi peranan Bendahara.

5.1.3 KS1.4, KS1.6

# Laksamana yang Gagah Berani

Hamba dilantik oleh Sultan Melaka sebagai Laksamana. Kedudukan hamba dalam lapisan masyarakat berubah selepas hamba dianugerahkan jawatan Laksamana Melaka.

- Menjaga keselamatan perairan Kesultanan Melayu Melaka.
- Menjadi utusan atau diplomat.
- Menjadi pengawal peribadi Sultan.
- Menjamin keselamatan pedagang yang berdagang di Melaka.
- Melaksanakan perintah Sultan pada bila-bila masa.



- Apakah tugas Laksamana dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka?
- Namakan seorang Laksamana yang terkenal dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Main peranan tugas seorang Laksamana Melaka.

5.1.3 KS1.4, KS1.6

**NOTA GURU**

- Terangkan kepada murid tentang peranan Laksamana dalam memastikan keselamatan pedagang di Melaka.



# Keistimewaan Tokoh Terbilang

Tokoh terbilang Kesultanan Melayu Melaka mempunyai banyak keistimewaan. Keistimewaan tersebut perlu dijadikan contoh dan teladan bagi membentuk sahsiah yang terpuji.

## SULTAN

**Berpandangan jauh**
- Dapat melihat potensi Melaka dan memajukan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa.
- Menjadikan Melaka sebagai pusat pengembangan agama Islam.
- Menjalinkan hubungan antarabangsa untuk kemajuan Melaka.

**Bertanggungjawab**
- Sentiasa memastikan keselamatan dan kebajikan rakyat.
- Membina banyak pondok pengawal dan mengadakan kawalan keselamatan terutamanya pada waktu malam.

**Mementingkan perpaduan**
- Memastikan pembesar Melaka bersatu padu bagi membolehkan Melaka menjadi sebuah kerajaan yang kuat.

## BENDAHARA

**Bijaksana**
- Berjaya menyusun strategi mempertahankan kedaulatan Melaka.
- Meluaskan kekuasaan Kesultanan Melayu Melaka sehingga menjadi sebuah empayar.

**Jujur dan amanah**
- Melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan jujur.
- Membantu mengembangkan agama Islam sehingga Kesultanan Melayu Melaka menjadi pusat agama Islam.

**Taat setia**
- Menenteramkan keadaan pengikutnya supaya tidak menderhaka kepada Sultan Melaka. Contohnya, semasa peristiwa pembunuhan Tun Besar oleh Raja Muhammad.



## LAKSAMANA

**Mahir ilmu persilatan**
- Menyelamatkan cubaan membunuh Sultan Melaka.

**Taat setia**
- Setia menurut perintah sultan demi mempertahankan kedaulatan Melaka daripada serangan musuh.

**Berani**
- Menyelamatkan bendahara daripada orang mengamuk.

**Bijaksana**
- Makan sayur kangkung yang tidak dipotong untuk melihat muka Maharaja China.



- Nyatakan keistimewaan yang dimiliki oleh tokoh terbilang dalam Kesultanan Melayu Melaka.
- Pada pandangan anda, mengapakah keistimewaan yang ada pada tokoh terbilang tersebut perlu dicontohi?

Senaraikan keistimewaan yang ada pada diri anda. Bagaimanakah keistimewaan tersebut dapat membantu mengharumkan nama sekolah anda?

**NOTA GURU**
- Jelaskan kepada murid tentang tokoh terbilang mempunyai banyak keistimewaan yang boleh dijadikan teladan dalam menjalani kehidupan harian.
- Bimbing murid menyenaraikan keistimewaan yang ada pada diri mereka bagi membantu mengharumkan nama sekolah.



## Nilai Murni Masyarakat Melaka

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum. Sedarkah anda bahawa masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka juga terdiri daripada pelbagai bangsa? Masyarakat di Melaka pada masa itu bersatu padu, tolong-menolong dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Mereka juga bergaul mesra dengan menggunakan bahasa yang sama.

Pada masa itu, bahasa Melayu menjadi bahasa perhubungan harian dan perniagaan. Selain itu, mereka juga boleh mengamalkan agama dan membina rumah ibadat masing-masing. Mereka taat setia kepada Sultan dan Kesultanan Melayu Melaka.



Taat setia kepada Sultan dan Kesultanan Melayu Melaka.



Menghormati pembesar.



Bermuafakat dan berunding semasa membuat keputusan.



Hormat-menghormati antara satu sama lain.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY



Bergotong-royong membina istana Sultan Melaka.



Mempelajari ilmu pertahanan.



Menuntut ilmu agama.



Terdapat pelbagai agama di Melaka yang diamalkan tanpa perselisihan.

Senaraikan nilai murni yang diamalkan oleh masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Senaraikan nilai murni yang anda amalkan dalam menjalani kehidupan harian. Mengapakah anda mengamalkannya?

KS1.5
KS1.6

NOTA GURU

- [illegible]



## Jasamu Dikenang

Sultan, Bendahara dan Laksamana merupakan tokoh penting dalam Kesultanan Melayu Melaka. Peranan mereka menyebabkan Kesultanan Melayu Melaka menjadi gemilang dan terkenal di dunia. Faktor ini menyebabkan mereka sentiasa dihormati dan dihargai oleh masyarakat sepanjang zaman.

| Tokoh | Cara Menghargai | Kebaikan |
|---|---|---|
| Sultan | • Taat kepada perintah sultan<br>• Tidak menderhaka | • Kehidupan bertambah baik<br>• Menjamin keamanan dan keharmonian dalam masyarakat<br>• Dapat memajukan perdagangan |
| Bendahara | • Sentiasa menjalankan tugas yang diarahkan | |
| Laksamana | • Sentiasa memberikan kerjasama | |

Mengapakah masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka sangat menghargai pemimpin mereka?

Lengkapkan jadual di bawah.

| Tokoh | Cara Menghargai | Kebaikan |
|---|---|---|
| Yang di-Pertuan Agong | | |
| Perdana Menteri | | |
| Guru | | |
| Ibu bapa | | |



NOTA GURU

- [illegible]
- [illegible]

[illegible]

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

## Fikir dan Jawab

A. Pilih jawapan yang betul.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan tokoh terbilang?
2. Yang manakah antara berikut merupakan ciri tokoh terbilang?
3. Apakah nilai murni yang menjadi amalan masyarakat Melayu lama?
4. Siapakah yang menduduki lapisan teratas dalam susun lapis Kesultanan Melayu Melaka?
5. Apakah faktor yang membolehkan seseorang mengubah kedudukan dari lapisan bawah ke lapisan atas dalam susun lapis masyarakat Melayu Melaka?
6. Apakah peranan yang dijalankan oleh tokoh terbilang bagi memastikan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka?
7. Siapakah yang berperanan menasihati Sultan dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka?

- Sultan dan kerabat diraja
- Bendahara
- Tamak
- Temenggung
- Gotong-royong
- Boleh dicontohi oleh masyarakat
- Perdana Menteri
- Membuat hubungan diplomatik dan perdagangan dengan kuasa-kuasa besar
- Mempunyai kekayaan dan digunakan untuk kepentingan diri sendiri
- Sumbangan dan jasa bermakna kepada negara
- Hubungan rapat dengan pemerintah dalam negara
- Mementingkan diri sendiri
- Menjatuhkan hukuman kepada pesalah berdasarkan jenis kesalahan yang dilakukan
- Mempunyai keistimewaan dan memberikan sumbangan kepada negara

**NOTA GURU**
- Minta murid menjawab soalan yang diberikan dengan betul.
- Aktiviti ini boleh dijalankan secara berkumpulan atau individu.



## Fikir dan Jawab

B. Jawab soalan berikut.

1. Ciri-ciri tokoh terbilang
   a. ________ b. ________ c. ________
2. Peranan tokoh terbilang.
   a. Sultan
   i. ________ ii. ________ iii. ________
   b. Bendahara
   i. ________ ii. ________ iii. ________
   c. Laksamana
   i. ________ ii. ________ iii. ________
3. Nilai-nilai murni masyarakat Melaka
   a. ________ b. ________ c. ________
4. Pada pandangan anda, bagaimanakah keadaan negeri Melaka pada hari ini sekiranya Kesultanan Melayu Melaka masih wujud?

   ____________________________________________
   ____________________________________________
   ____________________________________________
   ____________________________________________



**NOTA GURU**
- Minta murid menyatakan nilai-nilai murni yang ada pada tokoh terbilang.
- Bantu murid membuat kesimpulan tentang tokoh terbilang dalam Kesultanan Melayu Melaka.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY



# Unit 9 PARAMESWARA PENGASAS MELAKA




NOTA GURU



## Pengembaraan Parameswara

Nama Parameswara tidak asing dalam sejarah negara kita. Baginda merupakan pengasas Kesultanan Melayu Melaka.




Perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka

**Tahukah Anda?**

- Menurut sumber China dan Portugis, pengasas Kesultanan Melayu Melaka dikenali sebagai Parameswara. Buku Sejarah Melayu pula menyebut pengasas Melaka ialah Sultan Iskandar Syah. Disebabkan nama Parameswara telah diterima masyarakat, maka, buku ini menggunakan nama Parameswara.
- Majapahit merupakan sebuah kerajaan yang besar di Jawa Timur yang muncul pada abad ke-12.
- Temasik ialah nama asal Singapura.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

1

Parameswara merupakan seorang raja kerajaan Melayu dari Palembang. Parameswara cuba melepaskan kerajaannya daripada penguasaan Majapahit tetapi gagal. Oleh itu, Parameswara bergerak ke Temasik bersama-sama dengan para pengikutnya. Parameswara mendapati Temasik berkembang maju dan ingin menjadi pemerintah di situ. Oleh itu, Parameswara telah menyerang Temagi, pemerintah Temasik. Temagi telah terbunuh dalam serangan tersebut. Akhirnya, Parameswara berjaya menjadi pemerintah Temasik. Pada masa itu, Temasik merupakan sebuah negeri di bawah naungan Siam. Kerajaan Siam berasa marah dengan peristiwa tersebut dan ingin menyerang Parameswara. Hal ini menyebabkan Parameswara berundur ke Muar.

2

Parameswara menetap di Muar. Walau bagaimanapun, Parameswara mendapati Muar tidak begitu sesuai dijadikan kerajaan. Oleh itu, Parameswara bersama-sama dengan para pengikutnya meneruskan perjalanan ke utara sehingga sampai di Sening Ujung. Parameswara meletakkan seorang menteri untuk menjadi pemerintah di situ. Parameswara dan pengikutnya meneruskan perjalanan ke arah utara.

3

Parameswara dan para pengikutnya tiba di Sungai Bertam. Pada masa itu, telah ada petempatan di kawasan tersebut. Parameswara mendapati kawasan tersebut sesuai untuk dibuat negeri. Parameswara menamakan negeri tersebut, Melaka.

- Nyatakan sebab Parameswara bergerak dari Palembang.
- Apakah yang berlaku sewaktu Parameswara di Temasik?

Surih peta. Labelkan perjalanan Parameswara dari Palembang ke Melaka.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami latar belakang Parameswara sebagai pengasas Melaka.
- Bantu murid memahami rentetan peristiwa perjalanan Parameswara dari Palembang hingga ke Melaka.



## Munculnya Negeri Teragung



Melaka diasaskan oleh Parameswara. Parameswara merupakan seorang raja dari Palembang. Dia telah bergerak dari Palembang ke Temasik. Disebabkan Siam ingin menyerang Parameswara di Temasik, baginda dan pengikutnya telah berundur ke Muar. Tempat tersebut didapati tidak sesuai untuk dijadikan negeri.

Parameswara meneruskan perjalanannya sehingga tiba di Sungai Bertam lalu berburu bersama-sama para pembesarnya. Baginda kemudian berhenti rehat dan bersandar pada sepohon pokok yang rendang. Tiba-tiba, muncul seekor pelanduk putih yang dikejar oleh anjing-anjing perburuan baginda. Baginda amat terkejut apabila melihat pelanduk putih tersebut menendang anjing perburuannya sehingga jatuh ke dalam sungai.



MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY















- Mengapakah Parameswara memilih tempat tersebut untuk dijadikan negeri?
- Nyatakan ciri-ciri kepimpinan Parameswara.

Lakonkan peristiwa pembukaan negeri Melaka.

**NOTA GURU**

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

# Asal Usul Nama Melaka

Nama Melaka diperoleh daripada pelbagai sumber. Antaranya termasuklah Arab, India, Portugis dan Melayu.

Menurut Sejarah Melayu, nama Melaka diberi sempena nama pokok Melaka.

Menurut bahasa Sanskrit, Melaka mendapat nama daripada sejenis pokok iaitu *Amalaka* yang bermaksud pokok yang mempunyai buah yang masam. Mengikut mitos Hindu, Amalaka ialah pokok yang pertama tumbuh di alam semesta.

Menurut Suma *Oriental*, nama Melaka berasal daripada perkataan *Malaqa Malaqa* bermaksud tempat perlindungan.

Pedagang Arab memanggil Melaka sebagai *Malakat* iaitu perhimpunan segala dagang. Mereka juga memanggil Melaka *mulaqah* yang bermaksud pertemuan.

Seorang penulis sejarah Portugis bernama Gaspar Correa mengatakan Melaka dikenali sebagai *Malagas*. *Malagas* bermaksud tempat membuat ikan masin.

- Apakah yang dimaksudkan dengan 'Malagas'?
- Pada pendapat anda, mengapakah Melaka mempunyai pelbagai nama?

Cari nama tempat bersempena nama pokok.

5.2.4

NOTA GURU
- Bimbing murid mengenal asal-usul bagi nama Melaka.
- Minta murid mencari nama-nama tempat bersempena nama sungai.



# Kepimpinan Parameswara

Parameswara seorang pemimpin yang ulung. Melalui kepimpinannya, Kesultanan Melayu Melaka muncul sebagai sebuah empayar yang masyhur. Sebagai murid, anda boleh mencontohi sifat kepimpinan yang ada pada Parameswara untuk berjaya dalam kehidupan.

| Sifat Kepimpinan | Cara |
|---|---|
| Bermuafakat | Parameswara sentiasa bermuafakat dengan para pembesar sebelum mengambil sesuatu keputusan. |
| Berpandangan jauh | Parameswara mengadakan hubungan diplomatik dengan kerajaan Siam dan China. |
| Gigih | Parameswara gigih membangunkan Melaka melalui aktiviti perdagangan. |
| Bijak | Parameswara bijak memilih kawasan untuk dijadikan negeri. |
| Bercita-cita tinggi | Parameswara berusaha membangunkan sebuah perkampungan yang kecil menjadi sebuah pelabuhan terkenal. |

**Tahukah Anda?**
Hubungan diplomatik bermaksud hubungan antarabangsa.

- Nyatakan sifat kepimpinan Parameswara.
- Adakah anda mempunyai sifat kepimpinan yang sama?

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY



**Kebaikan**

- Rakyat Melaka amat menghormati Parameswara.
- Mereka membantu Parameswara memajukan Melaka.

Menjamin kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka.

Banyak kemudahan disediakan untuk keselesaan para pedagang seperti:
- bekalan air dan makanan.
- gudang untuk menyimpan barang dagangan.
- kemudahan membaiki kapal.
- tempat penginapan.
- tempat berniaga.

Parameswara sedar potensi Melaka sebagai sebuah pelabuhan.

Melaka berkembang menjadi sebuah pelabuhan yang maju dan terkenal di dunia.

Secara berpasangan, bincangkan sifat kepimpinan tokoh di tempat tinggal anda.

KS.2.3, KS.2.4

**NOTA GURU**

- Bimbing murid mengenal sifat kepimpinan Parameswara dalam membangunkan Melaka.
- Minta murid membuat simulasi kepimpinan Parameswara.



# Warisan Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka

Pemerintahan yang cekap dan sistematik menyebabkan Kesultanan Melayu Melaka berkembang menjadi sebuah empayar. Sistem ini menjadi warisan yang berharga dan membanggakan negara kita.

**Gelaran Sultan**
Pemerintah Melaka ialah pemerintah pertama yang menggunakan gelaran Sultan. Gelaran ini digunakan setelah pemerintah Melaka memeluk agama Islam.



**Sistem Pentadbiran Kerajaan**
Sistem pentadbiran disusun dengan teratur. Pentadbiran bermula dengan kerajaan, negeri, jajahan, mukim dan kampung. Ini memudahkan pemerintah mentadbir negeri.

**Sistem Pentadbiran Istana**
Parameswara mewujudkan jawatan pembesar, bentara dan biduanda kecil. Pembesar bertanggungjawab dalam hal ehwal balairung seri. Bentara menjalankan perintah raja. Manakala biduanda kecil pula membawa alat kebesaran diraja.

Nyatakan negara yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan Melaka.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

**Agama Islam**
Agama Islam menjadi agama rasmi semasa Kesultanan Melayu Melaka. Sultan menjadi ketua agama Islam dalam empayar Kesultanan Melayu Melaka.

**Hubungan Diplomatik**
Kesultanan Melayu Melaka menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Kepulauan Melayu, Kalinga, China dan Siam.



**Undang-undang**
Undang-undang amat penting dalam sistem pentadbiran. Undang-undang menjadi panduan bagi mewujudkan kehidupan yang lebih baik.

**Sistem Pewarisan Takhta Pemerintahan**
Sistem pewarisan takhta pemerintahan mementingkan keturunan sebelah bapa sebagai waris takhta negeri.

Senaraikan negeri-negeri di Malaysia yang mempunyai sultan.

KS.2.7

**NOTA GURU**
- Bimbing murid memahami warisan daripada Kesultanan Melayu Melaka.
- Minta murid menyenaraikan negeri-negeri yang mempunyai sultan.



## Warisan Keagungan Kesultanan Melayu Melaka

Kesultanan Melayu Melaka merupakan warisan yang berharga. Warisan tersebut dapat menjamin kedaulatan dan kemakmuran negara pada hari ini.

| Warisan Kesultanan Melayu Melaka | Keterangan |
|---|---|
| Identiti negara | Warisan Kesultanan Melayu Melaka menjadi identiti negara kita. Contohnya, sistem beraja dijadikan asas pemerintahan negara kita. |
| Kesetiaan kepada raja dan negara | Konsep kesetiaan kepada raja dan negara mengukuhkan hubungan antara rakyat dengan pemerintah. Pada masa kini, konsep kesetiaan ini dapat dilihat dalam prinsip kedua Rukun Negara iaitu, Kesetiaan kepada Raja dan Negara. |
| Permuafakatan | Semasa Kesultanan Melayu Melaka, pemerintah dan para pembesar berbincang bersama-sama untuk membuat keputusan. Konsep muafakat masih digunakan sehingga kini. |
| Keamanan | Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, aspek keamanan diutamakan. Melalui undang-undang, keamanan dan kesejahteraan negeri dan rakyat terjamin. |
| Bertaraf dunia | Pencapaian Kesultanan Melayu Melaka telah memasyhurkan kedudukan Melaka di mata dunia. Warisan ini telah menjadikan negara kita mencapai kedudukan yang lebih baik lagi. |

- Warisan Kesultanan Melayu Melaka manakah yang menunjukkan hubungan antara pemerintah dengan rakyat pada masa kini?
- Nyatakan kepentingan mengekalkan warisan negara.

Senaraikan barang warisan dalam keluarga anda. Nyatakan kepentingan barang-barang warisan kepada keluarga anda.



**NOTA GURU**
- Bimbing murid memahami kepentingan warisan kepada negara kita.

KS.2.7

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

## Fikir dan Jawab

A. Nomborkan urutan pengembaraan Parameswara.

| Peristiwa | Nombor |
|---|---|
| Parameswara bergerak dari Muar dan tiba di Sungai Bertam. | |
| Seekor pelanduk putih menendang anjing perburuan Parameswara ke dalam sungai. | |
| Parameswara bergerak ke Muar apabila kerajaan Siam mahu menuntut bela atas kematian Temagi. | |
| Parameswara berpendapat tempat tersebut bertuah. | |
| Parameswara menentang kerajaan Majapahit di Palembang. | |
| Parameswara bergerak ke Temasik. | |
| Parameswara menjadi pemerintah Temasik setelah mengalahkan Temagi. | |
| Parameswara mengasaskan negeri Melaka. | |
| Ketika berburu, Parameswara melihat kejadian aneh. | |

B. Lengkapkan pengembaraan Parameswara mengikut urutan tempat yang betul.

NOTA GURU
- Bimbing murid menjawab soalan dan melengkapkan rajah pengembaraan Parameswara.



## Fikir dan Jawab

C. Pilih jawapan yang betul.

1. Parameswara berasal dari ________
   a. Palembang  b. Majapahit  c. Siam
2. Parameswara menjalinkan hubungan diplomatik dengan ________
   a. China  b. Majapahit  c. Temasik
3. Sumber manakah yang menyatakan nama Melaka diambil daripada nama pokok?
   a. Suma Oriental  b. Sejarah Melayu  c. Pedagang Arab
4. Apakah warisan Kesultanan Melayu Melaka yang diwarisi negara kita?
   a. Kebudayaan  b. Strategi perang  c. Sistem pewarisan takhta pemerintahan
5. Apakah kemudahan yang tidak disediakan untuk keselesaan pedagang?
   a. Tempat membaiki kapal  b. Tempat belajar  c. Tempat penginapan
6. Mengapakah Parameswara ingin menjadikan Melaka sebuah negeri?
   a. Parameswara suka berburu  b. Tempat tersebut bertuah  c. Parameswara telah penat
7. Apakah tugas Bentara sewaktu pemerintahan Parameswara?
   a. Menjalankan perintah raja
   b. Membawa alat kebesaran raja
   c. Menguruskan hal ehwal balairung seri



NOTA GURU
- Minta murid membuat kesimpulan tentang peranan dan kepentingan Parameswara sebagai pengasas Kesultanan Melayu Melaka.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY



# Unit 10 TUN PERAK BENDAHARA TERBILANG




NOTA GURU



## Riwayat Hidup Tun Perak




**BIODATA TUN PERAK**

| | | |
|---|---|---|
| Nama Penuh | : | Tun Perak |
| Nama Bapa | : | Tun Perpatih Sedang |
| Jawatan | : | Bendahara Melaka |
| Gelaran | : | Bendahara Paduka Raja |
| Pengalaman | : | Pernah menjadi:<br>• Penghulu Kelang<br>• Penghulu Bendahari Melaka |

**Peranan:**

- Mempertahankan Kesultanan Melayu Melaka daripada serangan Siam sebanyak dua kali.
- Memperluas Kesultanan Melayu Melaka.
- Menjadi penasihat Sultan Melaka.
- Menjalankan tugas-tugas pentadbiran atas arahan Sultan Melaka.
- Membangunkan Melaka sebagai pusat perdagangan.
- Mengukuhkan Kesultanan Melayu Melaka sebagai pusat perdagangan.
- Menjalinkan hubungan antarabangsa.
- Mencadangkan pengganti Sultan Melaka.
- Membantu mengembangkan agama Islam.

- Apakah peranan Tun Perak sewaktu menjadi Bendahara Kesultanan Melayu Melaka?
- Berikan pendapat anda tentang peranan Tun Perak. Centakan dapatan anda di hadapan kelas.

**Dengan menggunakan peta minda, tulis biodata salah seorang guru yang anda kagumi di sekolah.**

NOTA GURU

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

## Tun Perak dalam Perkhidmatan Diraja

Tun Perak merupakan Bendahara yang paling lama berkhidmat. Beliau telah berkhidmat di bawah empat orang Sultan yang masyhur dalam Kesultanan Melayu Melaka.




Nyatakan nama empat orang Sultan semasa Tun Perak berkhidmat sebagai Bendahara Melaka.

**Dengan menggunakan borang seperti di bawah, cari tempoh perkhidmatan guru di sekolah anda.**

CONTOH

Tempoh Perkhidmatan Guru

| Nama Guru | Tempoh Berkhidmat | Nama Guru Besar Semasa Berkhidmat |
|---|---|---|
| Noormaizurah binti Omar | 10 tahun | 1. Muhammad bin Samsudin<br>2. Sharifah Alidah binti Syed Hamid<br>3. Wan Nik bin Muda |
| Ahmad Hishamuddin bin Ramli | 3 tahun | 1. Wan Nik bin Muda |

5.3.2

**NOTA GURU**

- Bantu murid mengenal pasti nama Sultan Melaka semasa Tun Perak berkhidmat sebagai Bendahara Melaka.
- Bimbing murid mencari maklumat tempoh perkhidmatan seorang guru di sekolah mereka dan bincangkan.



## Kebijaksanaan Tun Perak

Kebijaksanaan Tun Perak sebagai Bendahara menyebabkan Kesultanan Melayu Melaka menjadi sebuah empayar yang kuat dan disegani oleh kuasa-kuasa lain pada waktu itu. Hasil kebijaksanaannya, Bendahara Tun Perak berjaya mengalahkan serangan Siam ke atas Melaka sebanyak dua kali.

**SERANGAN PERTAMA**

Apabila Sultan Melaka mendapat tahu bahawa Siam hendak menyerang Melaka, baginda telah mengarahkan semua rakyat Melaka untuk berjuang menentang Siam. Tun Perak sebagai Penghulu Kelang, telah membawa pengikutnya bersama-sama dengan ahli keluarga mereka. Tindakan Tun Perak telah menimbulkan tanda tanya.




Kebijaksanaan Tun Perak mematahkan serangan Siam menyebabkan Sultan Muzaffar Shah melantik Tun Perak menjadi Penghulu Bendahari Melaka. Tun Perak telah dilantik oleh Sultan Muzaffar Shah sebagai Bendahara Melaka apabila Bendahara Tun Ali meletakkan jawatan setelah berkahwin dengan Tun Kudu, kakak Tun Perak.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

**SERANGAN KEDUA**

Kerajaan Siam ingin membalas dendam atas kekalahan mereka yang lalu. Oleh itu, mereka sekali lagi hendak menyerang Melaka. Perkara ini telah sampai ke pengetahuan Tun Perak. Pada waktu siang, Tun Perak mengarahkan seorang pemuda yang gila-gila bahasa untuk melihat kekuatan askar Siam. Pemuda tersebut telah melanggar beberapa buah sampan kepunyaan askar Siam dan menterbalikkannya. Sementara itu, Tun Perak telah mengarahkan pengikutnya untuk mengikat jamung di sepanjang pantai Melaka. Tindakan ini bagi mengelirukan askar Siam yang tiba pada waktu malam.




- Mengapakah Tun Perak membawa pengikut dan keluarga dari Kelang untuk mempertahankan Melaka?
- Mengapakah Sultan Muzaffar Shah melantik Tun Perak sebagai Bendahara?

**Tahukah Anda?**

- Gila-gila bahasa bermaksud pemberani tidak bertempat.
- Jamung bermaksud daun kelapa kering atau kain yang dicelup minyak untuk menjadi penyuluh.

Lakonkan cerita di atas.

**NOTA GURU**

S3.3
KS3.5
KS3.6

- Jelaskan kepada murid tentang kebijaksanaan Bendahara Tun Perak menggagalkan Siam menawan Melaka.
- Minta murid memberikan pendapat kesan yang akan berlaku kepada Kesultanan Melayu Melaka jika tiada Tun Perak.



**PENGAYAAN**

## Kehebatan Tun Perak

Bendahara Tun Perak memainkan peranan penting dalam membina kegemilangan dan keagungan Kesultanan Melayu Melaka. Ciri-ciri kepimpinan Bendahara Tun Perak yang berpandangan jauh, bijaksana, bekerjasama, bertanggungjawab, bermuafakat dan taat setia boleh dijadikan contoh dalam usaha menjadikan negara kita maju, aman dan sejahtera.

**Menjadi Penasihat Sultan**

- Menjadi penasihat kanan Sultan dalam bidang pentadbiran.
- Cekap dalam membantu Sultan menggubal dasar-dasar kerajaan.

**Menjalankan Tugas-tugas Pentadbiran atas Arahan Sultan**

- Menjalankan tugas rasmi atas arahan Sultan ketika Sultan gering ataupun ke luar negara.
- Mentadbir Melaka dengan penuh amanah ketika Sultan Mansur Shah dan rombongannya ke Majapahit atas urusan rasmi.

**Mengukuhkan Kesultanan Melayu Melaka Sebagai Pusat Perdagangan**

- Membantu Sultan Melaka membangunkan Kesultanan Melayu Melaka menjadi sebuah pusat perdagangan.
- Menyediakan kemudahan gudang dan rumah tumpangan bagi menarik pedagang untuk singgah di Kesultanan Melayu Melaka.
- Menyediakan petempatan bagi pedagang asing di sekitar pelabuhan Melaka.
- Melantik kapitan bagi pedagang asing.

- Mengapakah pentadbiran Melaka di bawah Tun Perak mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain?
- Nyatakan ciri-ciri kepimpinan yang terdapat pada Bendahara Tun Perak.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY



**Menjalinkan Hubungan Antarabangsa**
- Sedar kepentingan hubungan antarabangsa bagi menjamin kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka.
- Menjalin hubungan dengan negara China dan Siam. Kesannya kerajaan Siam tidak lagi menyerang Melaka sebaliknya membekalkan kayu jati dan beras kepada Kesultanan Melayu Melaka.

**Mencadangkan Pengganti Sultan**
- Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab.
- Mencadangkan pewaris takhta bagi menjamin kedaulatan dan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.
- Mencadangkan Sultan Alauddin Riayat Shah dan Sultan Mahmud Shah untuk dilantik sebagai Sultan Melaka.

**Membantu Mengembangkan Agama Islam**
- Menggalakkan kehadiran ulama ke Melaka.
- Menasihati Sultan supaya memerintah negara mengikut ajaran Islam.
- Mengamalkan sikap merendah diri.

**Tahukah Anda?**
Kapitan ialah ketua bagi kumpulan setiap pedagang asing.

Secara berkumpulan, bandingkan peranan Tun Perak sebagai Bendahara dengan Perdana Menteri. Secara kreatif, bentangkan dapatan tersebut di hadapan kelas.

3.3.4 KS3.3.5

NOTA GURU
- Jelaskan kepada murid tentang peranan Bendahara Tun Perak dalam membawa kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.



## Keagungan Kesultanan Melayu Melaka

Semasa Tun Perak menjadi Bendahara, Kesultanan Melayu Melaka berkembang menjadi sebuah empayar yang disegani. Selain ditakluki oleh Melaka, ada juga negeri yang rela menjadi negeri naungan disebabkan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.




Empayar Kesultanan Melayu Melaka

Berdasarkan peta, senaraikan negeri yang terletak dalam empayar Kesultanan Melayu Melaka.

**Tahukah Anda?**
Empayar ialah kumpulan negeri yang diperintah oleh suatu kerajaan tertinggi dan berdaulat.

Surih peta empayar Kesultanan Melayu Melaka dan labelkan.

NOTA GURU
- Bantu murid memahami peranan Tun Perak sebagai pembina empayar Kesultanan Melayu Melaka.



3.3.4

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

# Tun Perak Pantang Derhaka

Taat dan setia kepada pemimpin penting bagi memastikan negara kekal aman dan makmur. Sifat ini ada pada diri Bendahara Tun Perak dan perlu dicontohi.

**Peristiwa pembunuhan Tun Besar**

Tun Besar, anak Bendahara Tun Perak telah dibunuh oleh Raja Muhammad, putera Sultan Mansur Shah. Perkara ini disebabkan destar Raja Muhammad terjatuh akibat terkena bola raga yang disepak oleh Tun Besar. Pengikut Tun Perak marah dan ingin menuntut bela, tetapi Bendahara Tun Perak melarang, katanya, "tiada adat, hamba Melayu tiada pernah derhaka".

Tun Perak tidak bertindak balas kerana tidak mahu Melaka menjadi kucar-kacir. Bagi menenangkan pengikut Tun Perak, Raja Muhammad telah dirajakan di Pahang oleh Sultan Melaka.



**Peristiwa perkahwinan Tun Kudu**

Tun Perak tidak membantah apabila Sultan Muzaffar Shah menceraikan kakaknya, Tun Kudu, untuk dikahwinkan dengan Bendahara Tun Ali. Perkahwinan ini menyelesaikan masalah pelantikan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka.



- Mengapakah Tun Perak melarang pengikutnya menuntut bela atas kematian Tun Besar?
- Mengapakah kita perlu taat setia terhadap pemimpin negara kita?

Nyatakan cara anda menunjukkan taat setia kepada sekolah.

NOTA GURU

3.3.4
K5.3.5,
K5.3.6,
K5.3.7



# Ekspedisi Bersama Tun Perak

**Cara bermain.**

1. Permainan ini dimainkan secara berkumpulan (dua kumpulan).
2. Giliran kumpulan ditentukan menggunakan cabutan undi.
3. Kumpulan pertama bermula di Aru, manakala kumpulan kedua bermula di Pahang.
4. Kedua-dua kumpulan akan bergerak mengikut urutan nombor dan berakhir di Melaka.
5. Wakil kumpulan membaca soalan yang disusun mengikut urutan secara bergilir-gilir.
6. Jika jawapan yang diberikan betul, penanda kumpulan akan bergerak ke negeri berikutnya.
7. Jika jawapannya salah, penanda kumpulan kekal di tapak asal.
8. Kumpulan yang pertama tiba di Melaka dianggap sebagai pemenang.

## SOALAN KUMPULAN 1

1. Nyatakan cara Tun Perak mematahkan serangan Siam.
2. Siapakah bendahara yang digantikan oleh Tun Perak?
3. Siapakah yang melantik Tun Perak sebagai Bendahara Melaka?
4. Namakan dua orang Sultan semasa Tun Perak berkhidmat.
5. Mengapakah Raja Muhammad dihantar ke Pahang?
6. Namakan dua jajahan takluk dalam empayar Melaka.
7. Apakah jawatan Tun Perak sebelum dilantik sebagai Bendahara Melaka?

## SOALAN KUMPULAN 2

1. Apakah jawatan utama Tun Perak dalam pentadbiran Melaka?
2. Namakan bapa Bendahara Tun Perak.
3. Namakan seorang Sultan yang dicadangkan oleh Bendahara Tun Perak.
4. Namakan dua buah negara yang menjalin hubungan diplomatik dengan Melaka.
5. Apakah strategi Tun Perak dalam menangkis serangan Siam kali kedua?
6. Nyatakan dua ciri kepimpinan Tun Perak.
7. Di negeri manakah Raja Muhammad dihantar bagi meredakan kemarahan pengikut Tun Perak?

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY




Ekspedisi Bersama Tun Perak



5.3.1, 5.3.2, 5.3.3, 5.3.4, KS3.3, KS3.4, KS3.7

**NOTA GURU**

- Bimbing murid bermain ekspedisi bersama-sama dengan Tun Perak.
- Permainan ini boleh dijalankan dalam bentuk kuiz.
- Sediakan peta dalam bentuk mahjung. Kemudian, lekatkan pada papan tulis untuk murid menggerakkan penanda yang menggunakan butang warna bermagnet.



## Namamu Diabadikan

| Tajuk Kajian Kes | Tun Perak Bendahara Terbilang |
|---|---|
| Objektif | • Mengkaji peranan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka.<br>• Mengenal pasti nilai kepimpinan Bendahara Tun Perak yang dapat dicontohi.<br>• Menyenaraikan peranan Bendahara Tun Perak dalam membina kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. |
| Rujukan Sumber | • Orang Sumber<br>• Pusat Sumber<br>• Buku<br>• Majalah<br>• Surat khabar<br>• Internet<br>• Muzium |
| Kaedah | • Kaedah Lisan<br>• Kaedah Pemerhatian<br>• Kaedah Kajian Perpustakaan<br>• Kaedah Media |
| Laporan Kajian | • Dilakukan secara berkumpulan<br>• Berbentuk buku skrap<br>• Lengkapkan buku skrap dengan gambar bangunan, jalan, sekolah atau mercu tanda yang menggunakan nama Tun Perak. |



**NOTA GURU**

- Minta murid membuat kajian kes dan menghasilkan buku skrap.
- Bantu murid mendapatkan maklumat berkaitan dengan Bendahara Tun Perak.
- Berikan tempoh yang bersesuaian untuk murid menyiapkan kajian kes ini.
- Berikan markah pada buku skrap yang dihasilkan.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

## Fikir dan Jawab

A. Salin huruf mengikut nombor yang diberikan bagi mengisi petak di bawah.

Akmal dan keluarganya telah pergi ke Melaka. Banyak tempat
1 4
menarik yang mereka lawati semasa berada di Melaka Bandaraya
2 3
Bersejarah. Mereka telah pergi ke Zoo Melaka, Menara Taming Sari,
11 7
Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Perigi Hang Tuah dan Muzium
5 6
Samudera. Pengalaman yang paling menyeronokkan bagi Akmal
12 10
ketika menunggang kuda semasa melawat Zoo Melaka. Akmal tidak
14 8
sabar untuk menceritakan pengalamannya melawat Melaka.
9 13

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13 | 14 | 10 | | 11 | 4 | 12 | 1 | 8 |
| 2 | 4 | 10 | 3 | 1 | 6 | 1 | 12 | 1 |
| 13 | 4 | 12 | 2 | 7 | 9 | 1 | 10 | 5 |

NOTA GURU
- [illegible]



## Fikir dan Jawab

B. Jawab soalan dengan betul.

Gudang | Kelang | Rokan | Rumah tumpangan | Jamung | Pahang | Pelita | Beras | Siam | Gaharu

1. Alat yang digunakan untuk menerangi sesuatu tempat. ________
2. Negeri jajahan takluk Melaka yang terletak di Sumatera. ________
3. Raja Muhammad dihantar ke negeri ini kerana membunuh anak Tun Perak. ________
4. Hubungan Melaka dengan Siam membolehkan Melaka mendapat bekalan bahan ini. ________
5. Kemudahan bagi para pedagang untuk menyimpan barangan dagangan semasa di pelabuhan. ________
6. Negeri ini berada di utara Tanah Melayu dan telah beberapa kali menyerang Melaka. ________
7. Gelaran yang diberikan kepada Tun Perak. ________
8. Sultan Melaka yang melantik Tun Perak sebagai Bendahara Melaka. ________
9. Kumpulan negeri yang diperintah oleh suatu kerajaan tertinggi dan berdaulat. ________
10. Jawatan ini disandang oleh Tun Perak sebelum dilantik menjadi Bendahara Melaka. ________

Penghulu Sisik | Penghulu Bendahari | Bendahara Paduka Raja | Sultan Mansur Shah | Kerajaan | Bendahara Tun Perak | Empayar | Sultan Muzaffar Shah

NOTA GURU
- Minta murid membuat kesimpulan pelantikan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY



# Unit 11 HANG TUAH LAKSAMANA MELAKA




NOTA GURU



## Riwayat Hidup Hang Tuah

Hang Tuah ialah Laksamana yang masyhur semasa Kesultanan Melayu Melaka. Beliau telah dilantik menjadi Laksamana oleh Sultan Melaka kerana ketokohannya. Beliau sangat taat setia kepada Sultan Melaka. Hang Tuah juga seorang yang amat berani dan bijaksana.

1
Kisah berlaku di negeri Melaka,
Sungai Duyung nama kampungnya,
Dang Merdu Wati nama ibunya,
Hang Mahmud pula bapa tercinta.





2
Empat sahabat yang paling erat,
Kasturi, Lekir, Lekiu dan Jebat,
Tangkas, berani, mahir bersilat,
Hingga menjadi pahlawan hebat.

3
Peristiwa berlaku di suatu petang,
Orang mengamuk membunuh orang,
Hang Tuah dan sahabat berjaya menghalang,
Nyawa Bendahara tidak melayang.

- Apakah peristiwa yang menunjukkan kehandalan Hang Tuah dalam ilmu persilatan?
- Nyatakan tindakan Bendahara apabila Hang Tuah dihukum bunuh.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

4
Keberanian Hang Tuah tandingnya tiada,
Dilantik Sultan menjadi Laksamana;
Sahabat berempat turut ke istana,
Menjadi hulubalang sepenuh masa.



5
Khidmat Hang Tuah di mana-mana,
Terkenal sudah seluruh dunia;
Dilantik Sultan menjadi duta,
Mengelilingi utusan hingga ke China.

6
Khidmat cemerlang dalam pentadbiran,
Musuh cemburu, fitnah ditaburkan;
Hukuman bunuh Sultan titahkan,
Di Hulu Melaka Bendahara sembunyikan.



7
Setia berkhidmat kepada Sultan,
Musuh menyerang semua ditentang;
Taat setia menjadi teladan,
Sehingga kini masih dikenang.

Reka pantun tentang keberanian Laksamana Hang Tuah. Persembahkan pantun tersebut di hadapan kelas.

BALSAZ

NOTA GURU
- Terangkan kepada murid tentang [illegible] Hang Tuah.
- Bimbing murid menulis pantun tentang keberanian Hang Tuah.



## Kehebatan Laksamana Hang Tuah

Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, seorang Laksamana mempunyai tanggungjawab yang besar. Selain menjaga keamanan, Laksamana juga ditugaskan untuk menjadi utusan ke negara lain.






**Ketua Angkatan Laut**
Hamba memastikan keselamatan perairan Melaka.

- Nyatakan peranan Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka.
- Namakan negara yang mempunyai hubungan dengan Kesultanan Melayu Melaka.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY



**Mengelual Utusan**
Hamba mengetuai utusan bagi merapatkan hubungan Melaka dengan negara luar seperti China, India, Siam, dan Turki.



**Pengawal Peribadi Sultan**
Hamba menjadi pengawal peribadi Sultan Melaka semasa mengiringi baginda ke Majapahit.



**Melaksanakan Perintah Sultan**
Hamba mengetuai peminangan Puteri Gunung Ledang untuk Sultan Melaka.



**Menjaga Keselamatan Pedagang di Selat Melaka**
Hamba memastikan keselamatan pedagang di Selat Melaka.

**Dengan menggunakan peta minda, senaraikan tanggungjawab anda sebagai:**

a) anak
b) murid
c) rakyat Malaysia

NOTA GURU

- Jelaskan kepada murid tentang peranan Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka.
- Bantu murid menyenaraikan peranan mereka sebagai anak, murid dan rakyat Malaysia.



## Pertarungan Dua Sahabat

Hang Tuah seorang Laksamana yang sangat setia kepada Sultan. Hal ini menyebabkan Sultan sangat sayang kepada Hang Tuah. Para pembesar berasa cemburu melihat perkara tersebut. Oleh itu, Hang Tuah telah difitnah melakukan perbuatan sumbang dengan dayang-dayang istana. Fitnah tersebut dirancang oleh para pembesar istana. Apabila Sultan mendengar perkara tersebut, baginda berasa amat murka. Tanpa usul periksa, baginda menitahkan Bendahara supaya membunuh Hang Tuah. Bendahara tidak melaksanakan titah tersebut sebaliknya menyembunyikan Laksamana Hang Tuah di Hulu Melaka.

Sahabat baik Hang Tuah, Hang Jebat, berasa amat marah dengan tindakan Sultan dan para pembesar yang memfitnah Hang Tuah. Dia telah menderhaka kepada Sultan kerana ingin menuntut bela atas kematian Hang Tuah. Perbuatan Hang Jebat ini menyebabkan Sultan berasa sedih. Untuk membunuh Hang Jebat, Bendahara telah memberitahu kepada Sultan bahawa Hang Tuah masih hidup. Sultan berasa sangat gembira. Baginda menitahkan supaya Hang Tuah dibawa pulang. Sultan telah menitahkan Hang Tuah supaya membunuh Hang Jebat yang menderhaka.

*Maka kata laksamana, "Cih, Si Jebat derhaka! Mari engkau olehku!" Maka Hang Jebat pun segera menutup pintu istana itu, seraya berkata, "Siapa engkau yang datang hendak bertikam dengan aku itu dan siapa namamu?" Maka kata laksamana, "Hai Si Jebat derhaka, takutkah engkau akan aku bertanya! Akulah laksamana, baharu datang dari bergum di Hulu Melaka." Maka sahut Hang Jebat, "Hai laksamana, bahawa aku tiada takut akan engkau. Kudengar engkau sudah dibunuh oleh bendahara; sebab itulah maka aku hairan." Maka kata laksamana, "Akulah Hang Tuah dititahkan Duli Yang Dipertuan membunuh engkau, kerana aku tiada mati; aku ditaruh oleh bendahara di Hulu Melaka."*

Hikayat Hang Tuah (Kassim Ahmad, 1992:382)

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

Hang Jebat mempersilakan Hang Tuah naik ke istana. Semasa naik, Hang Tuah cuba menikam Hang Jebat.









Setelah melihat Hang Tuah masuk ke dalam istana, para pengawal yang mengikut Hang Tuah telah pergi ke bawah istana. Mereka menusuk kaki Hang Jebat menggunakan tombak dari bawah lantai istana. Hang Tuah berasa marah dengan tindakan para pengawal tersebut dan mengarahkan mereka pergi. Bimbang kejadian tersebut berulang, Laksamana Hang Tuah berbincang dengan Hang Jebat untuk bertikam di atas talam.




Pertarungan antara Hang Tuah dan Jebat amat hebat. Masing-masing sangat handal bermain senjata. Apabila keletihan, mereka akan berhenti rehat seketika sebelum bertarung semula.



MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY




Akhirnya, Hang Tuah berjaya menikam Hang Jebat. Hang Jebat telah membalut luka tikaman tersebut dengan kain langsir istana. Hang Jebat yang luka turun dari istana dan mengamuk. Banyak orang yang tidak berdosa menjadi mangsanya.





Demi keamanan Melaka, Hang Tuah sanggup membunuh sahabat baiknya. Sebagai rakyat, Hang Tuah telah meletakkan nilai ketaatan kepada sultan dan keamanan negeri melebihi segala-galanya.

Sebagai warganegara Malaysia bagaimanakah anda menunjukkan taat setia kepada raja dan negara?

**Lakonkan adegan pertarungan antara Hang Tuah dengan Hang Jebat.**

NOTA GURU



## Kesetiaan Tak Berbelah Bagi

Kita telah tahu ketokohan Laksamana Hang Tuah melalui peranannya sebagai Laksamana. Selain itu, Laksamana Hang Tuah juga terkenal dengan sifat kesetiaannya yang tidak berbelah bagi kepada Sultan Melaka.




- Apakah sifat kesetiaan yang ada pada Laksamana Hang Tuah?
- Berikan pandangan anda terhadap tindakan Hang Tuah membunuh Hang Jebat, sahabat baiknya. Bincangkan.
- Nyatakan tindakan anda sekiranya kawan baik anda melanggar peraturan sekolah.

**Senaraikan keistimewaan yang ada pada diri anda yang boleh anda banggakan.**

NOTA GURU

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

## Kebijaksanaan Laksamana Hang Tuah

Laksamana Hang Tuah merupakan seorang yang bijaksana.




- Apakah kelebihan yang dimiliki oleh Laksamana Hang Tuah?
- Apakah kelengkapan yang perlu dimiliki untuk mempertahan negara daripada serangan musuh?

**Bagaimanakah anda menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi?**

KSAS, KSA6

NOTA GURU

- Jelaskan bagaimana sikap bijaksana boleh menyelesaikan sesuatu masalah.



## Tanggungjawab Saya

Sifat yang ada pada Laksamana Hang Tuah wajar dijadikan contoh dan teladan. Sifat ini memperlihatkan tanggungjawab rakyat dalam mempertahankan kedaulatan negara daripada sebarang ancaman musuh yang boleh menggugat keselamatan dan keamanan negara.

Semua rakyat patut mempertahan kedaulatan negara dan sanggup berkorban demi negara yang tercinta. Pengorbanan dan kesetiaan yang ditunjukkan oleh Hang Tuah menjadi faktor utama Melaka mencapai mercu kegemilangan zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pengorbanan ini seharusnya menjadi contoh kepada semua warganegara Malaysia untuk menjadikan negara ini maju, aman, makmur dan sentosa.

| Sifat | Huraian |
|---|---|
| Taat setia | · Akur dan taat kepada perintah Sultan |
| Bijaksana | · Mengetahui pelbagai jenis bahasa<br>· Menggagalkan percubaan membunuh Sultan Melaka semasa di Majapahit |
| Bertanggungjawab | · Melaksanakan semua perintah dengan jaya |
| Berani | · Mempertahankan kedaulatan negara |

**Lengkapkan jadual di bawah dengan memberikan cara anda menunjukkan tanggungjawab menjaga nama baik sekolah.**

| Sifat | Huraian |
|---|---|
| Bertanggungjawab | · Memastikan kebersihan persekitaran sekolah |
| Patuh | · Mematuhi peraturan semasa berada di kantin |
| Menepati masa | |
| Rajin | |

NOTA GURU

- Jelaskan kepada murid bahawa semua rakyat bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara.
- Minta murid menceritakan cara mereka mempertahankan kedaulatan negara.
- Minta murid melengkapkan jadual di atas bagi menjaga nama baik sekolah.

KSA6

# Fikir dan Jawab

A. Lengkapkan silang kata di bawah.

Menegak

1. Sifat Hang Tuah yang paling menonjol semasa berkhidmat kepada Sultan Melaka.
2. Jawatan Hang Tuah semasa berkhidmat dalam Kesultanan Melayu Melaka.
3. Pembesar yang diselamatkan oleh Hang Tuah dan rakan-rakannya.
4. Makna seerti bagi perkataan *tilah*.
5. Nama sungai di kampung Hang Tuah dilahirkan.

Melintang

6. Tindakan menentang perintah sultan.
7. Hang Tuah mengetuai utusan ke negeri ini.
8. Hang Tuah mengiringi Sultan Melaka ke negeri ini.
9. Utusan yang bertanggungjawab menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain.
10. Ilmu mempertahankan diri pahlawan Melayu.




NOTA GURU

- Bantu murid menjawab silang kata.



# Fikir dan Jawab

B. Jawab soalan dengan betul.

Hikayat __________ merupakan sebuah buku yang menceritakan ketokohan __________. Hang Tuah dilahirkan di kampung Sungai Duyung. Ayahnya bernama __________ dan ibunya Dang Merdu Wati. Hang Tuah mempunyai empat orang sahabat karib, iaitu __________, Hang Lekir, __________ dan Hang Lekiu. Selepas __________, mereka berlima telah dilantik menjadi __________ Melaka. Disebabkan ketokohan Hang Tuah, beliau telah dilantik oleh Sultan sebagai Laksamana. Sebagai Laksamana Melaka, beliau dilantik sebagai ketua angkatan laut yang memastikan keselamatan __________. Laksamana Hang Tuah juga dikenali kerana sifat kepahlawanan dan kesetiaannya. Beliau sanggup membunuh __________, Hang Jebat yang __________. Laksamana Hang Tuah juga amat __________. Beliau menguasai __________ seperti Siam, Jawa, dan China. Sifat Hang Tuah wajar dijadikan contoh dalam mempertahankan __________ negara.

- Hang Tuah
- bijaksana
- Hang Jebat
- hulubalang
- sahabat baiknya
- Hang Mahmud
- menderhaka
- kedaulatan
- Hang Kasturi
- Laksamana Hang Tuah
- pelbagai bahasa
- perairan Melaka
- menyelamatkan Bendahara

NOTA GURU

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY

## Senarai Rujukan


1. *A to Z Encyclopedia*, 2008. Miles Kelly Publishing.
2. A.Bakar Hamid, 1971. *Peristiwa-Peristiwa dari Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. A.Samad Ahmad, 1983. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Abd. Rahim Abd. Rashid, 1999. *Pendidikan Sejarah Falsafah, Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
5. Abdul Rahman Napiah, 1993. "Hikayat Hang Tuah Warisan Melaka", Konvensyen Melaka dalam Warisan Dunia, Air Keroh D'Village, Melaka. Kerajaan Negeri Melaka dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, 14-17 April.
6. Abu Hassan Sham, 1982. *Diskusi Peristiwa-Peristiwa dari Hikayat Hang Tuah* Kuala Lumpur: Penerbit Sarjana.
7. Andaya, Barbara, 2007. "Malacca" dalam Clifford Edmund Bosworth, *Historic Cities of the Islamic World*. Netherlands: Brill Academic Publishers.
8. Baker, Stuart, 2002. *Perubahan Iklim Di Artik*, Penterjemah Nor Idatul Akmar Zulkipli, Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Malaysia Sdn Bhd.
9. Baring-Gould, S. and Bampfylde, Charles Agar, 1989. *A History of Sarawak under its Two Rajahs, 1839-1908*. Singapore: Oxford University Press.
10. Goh Cheng Leong, 2010. *Atlas Sumber Dalam Geografi Fizikal*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Malaysia Sdn Bhd.
11. Jamal Hamid, 1993. "Melaka Sebagai Pusat Kebudayaan Melayu", Konvensyen Melaka dalam Warisan Dunia, Air Keroh D'Village, Melaka, KerajaanNegeri Melaka dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, 14-17 April.
12. Kamaludin Hassan, 1998. "The Pleistocene Age or Ice Age Period" dalam *Early History, The Malaysia Encyclopedia*, Volume 4, Editions Didier Millet Pty Ltd.
13. ____________________ "The Postglacial and Holocene Periods" dalam *The Malaysia Encyclopedia, Early History*, Volume 4. Editions Didier Millet Pty Ltd.
14. Kassim Ahmad, 1997. *Hikayat Hang Tuah*. Dengan Pengenalan Tambahan oleh Noriah Mohamed. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
15. Kassim Ahmad, 1997. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
16. Sandhu, Kernial Singh dan Wheatley, Paul (ed.), 1983. *Melaka-The Transformation of a Malay Capital, c. 1400–1980*. Oxford University Press: Kuala Lumpur.
17. "Khazanah Semangat Melayu" dalam *Berita Harian* bertarikh 13.03.2011.
18. Khoo Kay Kim (ed.), 1982. *Melaka dan Sejarahnya*. Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia.
19. Mohd Arof Ishak, 2009. *Tamadun Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
20. Mohd. Yusoff Hashim, 1993. "Empayar Melaka dan Alam Melayu: Suatu Perspektif Sejarah Tentang Hubungan Melaka". Konvensyen Melaka dalam Warisan Dunia, Air Keroh D'Village, Melaka, Kerajaan Negeri Melaka dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, 14-17 April.
21. Mokhtar Saidin, 2010. *Bukti Prasejarah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.





22. Muhammad Yusoff Hashim dan Abd. Rahman Kaeh, 1994. *Sejarah Melayu Persepsi Sejarah dan Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
23. Muhd. Yusof Ibrahim, 1986. *Pengertian Sejarah: Beberapa Perbahasan Mengenai Teori dan Kaedah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
24. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman, 1998. *The Encyclopedia of Malaysia, Early History Vol. 4*. Editions Didier Millet.
25. ____________________, 1999. *Arkeologi Pra-Islam Pesisir Selat Melaka: Evolusi atau Migrasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
26. Nunis, Terence, 2003. *Gateway to Malay Culture*. Singapore: Asiapac Books Ltd.
27. Reilly, O' dan Dougald, J. W., 2006. *Early Civilizations Of Southeast Asia*. London: AltaMira Press.
28. Othman Puteh dan Rahman Shaari, 1992. *Sejarah Melayu Untuk Tingkatan 6*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
29. Raja Mohd Affandi, 1974. *Tokoh-Tokoh Melayu Yang Agung Dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
30. "Rumah Kutai: Warisan Senibina Melayu Negeri Perak yang Semakin Pupus", 2006. Dalam Proceedings : 2nd ASEAN Post Graduate Seminar In Built Environment, 4-6 Disember, Kuala Lumpur, Universiti Teknologi MARA.
31. Shafie Abu Bakar, 1993. "Melaka Sebagai Pusat Penyebaran dan Perkembangan Islam di Alam Melayu", Konvensyen Melaka Dalam Warisan Dunia, Air Keroh D'Village, Melaka, Kerajaan Negeri Melaka dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, 14-17 April.
32. Shellabear, W.G., 1952. *Sejarah Melayu*, Jilid I dan II. Singapura: Malaya Publishing House.
33. Shellabear, W.G., 1982. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
34. Sulastin Sutrisno, 1980. "Hikayat Hang Tuah: Antara Konvensi Dan Inovasi, Imej dan Cita-Cita", Kertas Kerja Hari Sastera, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
35. Wan Abdul Rahman Latif, *et al* 1996. *Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
36. Zakaria Ibrahim, Yusri Ramli dan Sabaruddin Hussein, 2011. *Selagi Hayat Dikandung Badan, Lembaran Perjuangan*. Petaling Jaya: MPH Publishing.
37. Zakiah Hanum, 1989. *Asal-usul Negeri-negeri Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Times Book International.


**Orang Sumber**

1. Abdul Latiff bin Haji Ghazali, PPT, Bekas Guru Besar Sekolah Kebangsaan Tok Pelita, Pasir Salak, Perak.
2. Haji Abdul Manan bin Haji Salleh, Ketua Kampung Pasir Salak, Perak.
3. Alias bin A Rashid, No 21, Taman Caria, 39000 Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang.
4. Hamjah binti Haji Hassim, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam, Terachi, 71500 Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan.
5. Khairul Anuar bin Haji Yazid, Usahawan Kraf Tangan Pasir Salak, Perak.
6. Mohd Rosli bin Noordin, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM), Sekolah Kebangsaan Yamtuan Hitam, Terachi, 71500 Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan.
7. Nizam bin Mohd Azhar, Homestay JKKK Sungai Haji Dorani, Sabak Bernam, Selangor.

MANAGER HEIJI - PERSONAL USE ONLY











RM 10.00

B074002